

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK SAPARI BIN SUKARJO  
PENGUSAHA SAFIS ART ENTERPRISE  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM  
BIDANG PEMBUATAN WAYANG KULIT**

**NUR AMIRAH ADLINA BINTI MOHD HIRZUN  
(2020980531)**

**SAIDATUL ANISA BT MOHD ESA  
(2020964643)**

**SEMESTER MAC 2021 – JULY 2021**

## ISI KANDUNGAN

|                                                        |               |
|--------------------------------------------------------|---------------|
| <b>ABSTRAK .....</b>                                   | <b>i</b>      |
| <b>PENGHARGAAN .....</b>                               | <b>ii</b>     |
| <b>SENARAI ABREVIASI .....</b>                         | <b>iii</b>    |
| <b>SENARAI SINGKATAN .....</b>                         | <b>iv</b>     |
| <br><b>RUJUKAN KATA.....</b>                           | <br><b>v</b>  |
| <br><b>1.0 BIODATA PENEMUBUAL.....</b>                 | <br><b>1</b>  |
| 1.1 PENEMUBUAL PERTAMA .....                           | 2             |
| 1.2 PENEMU BUAL KEDUA .....                            | 3             |
| <br><b>2.0 BIODATA TOKOH .....</b>                     | <br><b>4</b>  |
| 2.1 BIODATA TOKOH .....                                | 5             |
| 2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH .....                      | 6             |
| <br><b>3.0 SEJARAH LISAN .....</b>                     | <br><b>7</b>  |
| 3.1 PENGENALAN .....                                   | 8             |
| 3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN .....                       | 10            |
| 3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN .....                    | 11            |
| <br><b>4.0 KAJIAN LITERATUR.....</b>                   | <br><b>12</b> |
| 4.1 TOPIK 1: SEJARAH LISAN .....                       | 13            |
| 4.2 TOPIK 2: WARISAN SENI WAYANG KULIT .....           | 14            |
| <br><b>5.0 TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA TOKOH .....</b> | <br><b>16</b> |
| SESI DUA JAM .....                                     | 17            |
| <br><b>6.0 LOG TEMUBUAL .....</b>                      | <br><b>86</b> |
| <b>7.0 RALAT .....</b>                                 | <b>102</b>    |
| <b>8.0 GLOSARI .....</b>                               | <b>104</b>    |
| <b>9.0 INDEKS .....</b>                                | <b>107</b>    |
| <b>10.0 BIBLIOGRAFI.....</b>                           | <b>110</b>    |
| <b>11.0 LAMPIRAN .....</b>                             | <b>114</b>    |

|                                                   |     |
|---------------------------------------------------|-----|
| 11.1 BIOGRAFI TOKOH .....                         | 115 |
| 11.2 SURAT PERJANJIAN .....                       | 117 |
| 11.3 SENARAI SOALAN .....                         | 118 |
| 11.4 DIARI PENYELIDIKAN .....                     | 123 |
| 11.5 GAMBAR, SIJIL-SIJIL DAN BAHAN BERKAITAN..... | 127 |

# ABSTRAK

**PENGALAMAN ENCIK SAPARI BIN SUKARJO SEBAGAI  
PEMBUAT WAYANG KULIT DI JOHOR**

Nur Amirah Adlina binti Mohd Hirzun (2020980531)

Saidatul Anisa binti Mohd Esa (2020964643)

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Johor Kampus Segamat,  
KM 12, Jalan Muar, 85000 Segamat, Johor**

**ABSTRAK**

*Transkrip ini membincangkan pengalaman seorang tokoh yang merupakan pemilik kepada Safis Art Enterprise dan pembuat patung wayang kulit sepenuh masa, iaitu Encik Sapari Sukarjo. Wawancara ini dilakukan untuk mengetahui pengalamannya dalam membuat patung wayang kulit sebagai sumber pendapatan, menjadikan ia sebagai kraftangan serta asam garam kehidupannya bergelar anak seni. Beliau pernah menceburkan diri dalam bidang pembuatan makanan sebelum terlibat dalam industri seni ini. Kemudian, beliau mula meneruskan darah seni generasi keluarganya sebagai pembuat patung wayang kulit dan mendaftarkan dirinya di bawah naungan Kompleks Kraftangan Johor sebagai pekerjaan sepenuh masa. Walaupun jenis kraftangan ini tidak terkenal di kalangan orang, tetapi dia bertekad untuk menceburkan diri sehingga kini. Pendapat dan pandangannya untuk umum terhadap seni pembuatan patung wayang kulit lebih lagi menjadikannya sebagai kraftangan adalah untuk terus memperkenalkan ia dan membuat orang ramai menerima keunikan hasil kraftangan ini. Bahkan, dia tidak menyesal kerana memilih industri ini sebagai kerjayanya dan terus mengajar anaknya sebagai pelapik generasi baru kepada warisan itu. Ini menunjukkan bahawa industri seni dan kraftangan bukan hanya seni, tetapi juga meliputi bagaimana produk tersebut mempunyai nilai dan keunikannya tersendiri untuk para pengguna. Melalui sejarah lisan ini, diharapkan masyarakat dapat memperoleh lebih banyak pengetahuan mengenai bidang ini lebih mendalam serta menghargai warisan seni yang ada supaya tidak hilang di mata dunia.*

**Kata kunci:** *Encik Sapari Sukarjo, Patung wayang kulit, Kraftangan, Kompleks Kraftangan Johor, Safis Art Enterprise*

*This transcript discusses the experience of a figure who is a Safis Art Enterprise entrepreneur and full-time puppet shadow maker, namely Mr. Sapari Sukarjo. This interview was conducted to find out his experience in making puppets as a source of income, making puppets as handicrafts, and the acid of his life as an artist. He was ventured into the field of food manufacturing before getting involved in this art industry. Later, he began to continue the artistic blood of his family generation as a puppet maker and began to register himself under the auspices of the Johor Craft Complex as a full-time job. Although this type of handicraft is not well known among the people, he is determined to venture until now into his art industry. His opinion and views for the public on the art of making puppets more to make it a handicraft is to continue to introduce it and make people accept the uniqueness of this handicraft. Still, he has no regrets for choosing this industry as his career and continues to teach his children now as a new generation liner to the legacy of puppetry. This shows that the arts and crafts industry is not just art, but also covers how the product has its own value and*

*Keywords: Encik Sapari Sukarjo, Puppet shadow maker, Handicraft, Johor Craft Complex, Safis Art Enterprise*

# PENGHARGAAN

## PENGHARGAAN

---

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas ini hingga ke akhir tugas ini. Dengan izin kurniaan Tuhan yang Maha Kuasa, kami dengan jayana dapat menyelesaikan tugas kami dengan baik.

Kami dengan rendah diri ingin merakamkan sejuta penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek Oral Documentation, kod subjek IMR604 iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin kerana telah memberikan banyak tunjuk ajar dan bimbingan tentang tugas ini. Melalui dorongan tersebut, kami berjaya menyiapkan tugas ini hingga ke saat akhir.

Tidak dilupakan juga, kami ingin tititpkan penghargaan buat Encik Sapari Sukarjo yang sudi menerima pelawaan kami untuk menjadi rujukan tokoh bagi tugas yang diberikan ini. Tanpa bantuan daripada beliau kami tidak mampu melaksanakan tugas ini dengan baik.

Di samping itu, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan, keluarga, kedua ibu bapa yang telah memberi semangat dari segi fizikal dan mental serta memahami situasi kami untuk menyiapkan tugas ini.

Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan tugas yang penuh cabaran ini. Sekian, terima kasih.

Sekian terima kasih.



# SENARAI ABREVIASI

## SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN ABREVIASI | MAKSUD                                          |
|---------------------|-------------------------------------------------|
| ASWARA              | Akademik Seni Budaya dan Warisan<br>Kebangsaan  |
| CM                  | Sentimeter                                      |
| COVID               | Coronavirus                                     |
| FB                  | Facebook/Muka buku                              |
| HQ                  | Headquarters                                    |
| IG                  | Instagram                                       |
| IT                  | Information Technology                          |
| JKKN                | Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri<br>Johor |
| KWSP                | Kumpulan Wang Simpanan Pekerja                  |
| MCO                 | Movement Control Order                          |
| PKP                 | Perintah Kawalan Pergerakan                     |
| RTM                 | Rancangan Televisyen Malaysia                   |
| SOCISO              | Social Security Organisation                    |
| SRP                 | Sijil Rendah Pelajaran                          |
| UITM                | Universiti Teknologi MARA                       |
| UNIMAS              | Universiti Malaysia Sarawak                     |
| UTHM                | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia             |
| VVIP                | Ver-very Important Person                       |

# SENARAI SINGKATAN

## SENARAI SINGKATAN

---

NAA: Nur Amirah Adlina binti Mohd Hirzun

SAE: Saidatul Anisa binti Mohd Esa

SBS: Sapari bin Sukarjo

# RUJUKAN KATA

## RUJUKAN KATA

|             |                  |
|-------------|------------------|
| Ade         | Ada              |
| Ambik       | Ambil            |
| Ape         | Apa              |
| Berbagai    | Pelbagai         |
| Bagitahu    | Beritahu         |
| Bapak       | Bapa             |
| Bawak       | Bawa             |
| Benda       | Barang           |
| Beruap      | Ber wap          |
| Berpikiran  | Berfikiran       |
| Biase       | Biasa            |
| Bukak       | Buka             |
| Dah         | Sudah            |
| Dahulu kala | Dulu             |
| Definasi    | Definisi         |
| Dekat       | Di               |
| Diorang     | Mereka           |
| Dulu        | Dahulu           |
| Ea          | Ya               |
| Ha          | Ya               |
| Habis       | Selesai          |
| Heran       | Hairan           |
| Je          | Sahaja           |
| Kalau       | Jika             |
| Kang        | Nanti / kemudian |
| Kat         | Dekat            |
| Kate        | Cakap            |
| Kawin       | Kahwin           |

|             |                 |
|-------------|-----------------|
| Kecik       | Kecil           |
| Kena        | Kena / perlu    |
| Kire        | Kira            |
| Kitorang    | Kami            |
| Korang      | Kamu semua      |
| Korek       | Cari            |
| Laki        | Lelaki          |
| Lepastu     | Selepas itu     |
| Macam       | Seperti         |
| Makne       | Makna           |
| Memang      | Mesti           |
| Nak         | Mahu / hendak   |
| Nak dekat   | Hampir          |
| Ndak        | Hendak          |
| Nentukan    | Menentukan      |
| Ni          | Ini             |
| Orang cakap | Kata kata orang |
| Pasal       | Sebab / tentang |
| Payah       | Susah /perlu    |
| Paham       | Faham           |
| Pencen      | Bersara         |
| Pikir       | Fikir           |
| Pulak       | Pula            |
| Rumit       | Susah           |
| Sampai      | Sehingga        |
| Sapa        | Siapa           |
| Sebabtu     | Sebab           |
| Sekerat     | Separuh         |
| Sorang      | Seorang         |
| Tadi        | Baru baru ini   |
| Takde       | Tiada           |

|          |               |
|----------|---------------|
| Tak      | Bukan / tidak |
| Takkan   | Tidak akan    |
| Taruk    | Letak         |
| Tau      | Tahu          |
| Telepon  | Telefon       |
| Tengok   | Lihat         |
| Terpikir | Terfikir      |
| Tu       | Itu           |
| Tulah    | Itu lah       |



# BIODATA PENEMUBUAL

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

---

### 1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



|                     |                                                                                                   |
|---------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Nama</b>         | Nur Amirah Adlina binti Mohd Hirzun                                                               |
| <b>Tarikh Lahir</b> | 16 Jun 1999                                                                                       |
| <b>Tempat Lahir</b> | Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor                                                      |
| <b>Alamat</b>       | No 28, Lorong 6, Jalan 8/19, Perjiranan 8, Taman Air Biru, 81700 Pasir Gudang, Johor Bahru, Johor |
| <b>No Telefon</b>   | 0198287002                                                                                        |
| <b>Emel</b>         | myralina.adlina@gmail.com                                                                         |
| <b>Program</b>      | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)                       |

## 1.2 PENEMUBUAL KEDUA



|                     |                                                                            |
|---------------------|----------------------------------------------------------------------------|
| <b>Nama</b>         | Saidatul Anisa binti Mohd Esa                                              |
| <b>Tarikh Lahir</b> | 15 November 1999                                                           |
| <b>Tempat Lahir</b> | Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru                                      |
| <b>Alamat</b>       | No 11 Jalan Nenas 18 Taman Kota Masai, 81700 Pasir Gudang, Johor           |
| <b>No Telefon</b>   | 017-7741302                                                                |
| <b>Emel</b>         | Sanisa.esa@gmail.com                                                       |
| <b>Program</b>      | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat(Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246) |

# BIODATA TOKOH

## 2.0 BIODATA TOKOH

---

### 2.1 BIODATA TOKOH



|                              |                                                                                                                                           |
|------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Nama</b>                  | Sapari bin Sukarjo                                                                                                                        |
| <b>Umur</b>                  | 53 tahun (2021)                                                                                                                           |
| <b>Tarikh Lahir</b>          | 21 Mei 1968                                                                                                                               |
| <b>Tempat Lahir</b>          | Sungai Pulai, Muar, Johor                                                                                                                 |
| <b>Tempat Tinggal</b>        | Taman Damai Jaya, Skudai, Johor Bahru, Johor                                                                                              |
| <b>Status</b>                | Berkahwin                                                                                                                                 |
| <b>Bilangan Anak</b>         | 4 orang                                                                                                                                   |
| <b>Bilangan Adik Beradik</b> | 11 orang, anak ke-10                                                                                                                      |
| <b>Kerjaya</b>               | Sebelum: Pekerja dalam Sektor swasta, Industri Pembungkusan Makanan<br>Sekarang: Usahawan Kraftangan sepenuh masa di Safis Art Enterprise |

## 2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Encik Sapari bin Sukarjo merupakan anak kelahiran Johor yang dilahirkan pada 21 Mei 1968 dan beliau berumur 53 tahun. Tempat kelahiran beliau ialah di Sungai Pulai, Muar, Johor dan juga kini menetap di negeri kelahiran sendiri iaitu di Taman Damai Jaya, Skudai, Johor Bahru Johor. Beliau yang merupakan anak ke 10 daripada 11 orang bilangan adik beradik. Status perkahwinan beliau ialah berkahwin dan mempunyai 4 orang anak termasuklah 2 lelaki dan 2 perempuan.

Beliau yang dahulunya bekerja dalam bidang sektor swasta iaitu Industri Pembungkusan Makanan namun kini memilih kerjaya usahawan kraftangan sepenuh masa di Safis Art Enterprise. Mewarisi darah kesenian daripada datuk nya, kemudian kepada bapa nya, dan kini beliau memanfaatkan kreativiti yang ada dengan menjadi seorang usahawan kraftangan yang lebih menumpukan kepada pembuatan wayang kulit. Bukan sahaja mampu membuat patung atau boneka wayang kulit, beliau juga berbakat dalam menghasilkan seni budaya yang melibatkan seni Johor seperti gambus, rumah limas dan lain-lain. Bukan itu sahaja, dengan kreativiti yang ada, teretusnya idea untuk mengkomersialkan warisan wayang kulit ini dengan menjadikan ia sebagai cenderamata mahupun kraftangan untuk menarik minat pelanggan di luar sana. Usaha yang dilakukan sedikit sebanyak mendapat permintaan dan perhatian orang untuk pelbagai tujuan.

# SEJARAH LISAN

### 3.0 SEJARAH LISAN

---

#### 3.1 PENGENALAN

Konsep sejarah lisan secara umumnya mempunyai pelbagai fahaman menurut pelbagai para pengkaji dan ilmuwan. Namun secara keseluruhannya konsep sejarah lisan menurut pandangan (Haron, n.d.) adalah salah satu cara untuk mendapatkan pernyataan dalam bentuk lisan dengan tujuan untuk menambah pengetahuan dan bukannya untuk menggantikan mana mana sumber bertulis seperti fail, surat dan sebagainya. Dalam kajian di atas, satu pandangan daripada tokoh sejarah lisan dari perpustakaan J.F.Kennedy iaitu William W. Moss juga memberikan definisi sejarah lisan di mana ia adalah suatu proses untuk menghasilkan sumber utama sejarah melalui kaedah wawancara atau temubual dan dibuat di atas pita rakaman serta diterbitkan untuk kegunaan para penyelidik. Bahkan definisi sejarah lisan ini disokong oleh (Starr, 1984) bahawa kaedah kaedah ini dilakukan untuk mengumpulkan sumber asli dan fakta sejarah yang belum dikaji dan merupakan penerus kepada proses pengumpulan sejarah setelah hilangnya tradisi penulisan sejarah serta perkara ini berlaku sejak bermulanya peristiwa sejarah itu sendiri.

Salah satu keperluan asas untuk sejarah lisan menurut kajian (Roudhah et al., 2012) iaitu harus dilakukan ke atas tokoh tokoh yang masih hidup dan juga yang telah meninggal dunia. Namun harus mendapatkan maklumat daripada orang yang paling rapat seperti ahli keluarga dan kenalan rapat untuk menyelidik pengkisahan mereka seperti dikatakan oleh (Ahmad, 1987). Pengkisahan tokoh tokoh dan sejarah mereka juga berkait dengan hal peninggalan sejarah menurut (Syukur, 2010) bahawa perkara sejarah ini boleh memberi pengajaran dan dipelajari oleh masyarakat serta mampu memberi kesan positif terhadap perkembangan sesebuah masyarakat itu. Hal ini kerana konsep sumber sejarah juga termasuklah tradisi lisan yang juga berkait dengan sejarah lisan dan ia melibatkan ahli sejarah yang perlu mempunyai sifat disiplin dalam mengkaji sumber sejarah. Bahkan menurut (Hassan, 2013) sesuatu tradisi lisan hanya berguna untuk dijadikan sumber sejarah jika langkah yang dilakukan mengikut cara yang sistematik dan bukan secara random sahaja walaupun ada kemungkinan langkah ini digunakan sebagai sumber mengkaji sejarah pada zaman dahulu kala. Langkah ini juga diaplikasikan untuk sejarah lisan sebagai salah satu cara untuk mengisi kekosongan sumber sejarah selain baha rekod rekod bertulis. Jadi amatlah penting untuk seorang pengkaji itu menyelidik aspek atau subjek yang terdapat dalam jurang tersebut itu.



Di samping itu, penting juga bagi seorang pengkaji untuk memastikan kesahihan sejarah lisan agar ia nya memenuhi keperluan semasa yang perlu dipelihara selain beberapa faktor yang akan mempengaruhi hal tersebut. Hal ini kerana faktor sedemikian mampu mempengaruhi dan mengubah memori serta memberi cabaran kepada pengkaji untuk memastikan kesahihan peristiwa tersebut. Menurut (Ahmad,1987) juga sumber sejarah lisan amatlah bergantung kepada ingatan individu tersebut dan mungkin mempunyai unsur bias, emosi dan reaksi tentang peristiwa yang diceritakan. Maka, terdapat langkah yang perlu dipraktikkan seperti melakukan semakan dari sumber yang sahih tentang latar belakang individu sebelum memulakan tembual tersebut. Tambahan pula, penyelidikan ini memerlukan soalan lanjutan agar ianya tidak kelihatan seperti satu siasatan dan perlu menyapa isu daripada pelbagai perspektif serta melakukan kerjasama dan persetujuan dengan pihak yang terlibat agar maklumat itu dipersetujui untuk rujukan masa hadapan.

Justeru itu, kepentingan dan kelebihan penyelidikan sumber sejarah tentang peristiwa dan pengkisan seseorang individu itu amatlah penting dan perlu dipelihara agar rekod rekod sejarah ini tidak berkurangan dan hilang sebegitu sahaja. Hal ini kerana jika tiada yang menjalankan penyelidikan ini maka sumber sumber utama ini akan pupus terutama untuk kepentingan akan datang. Sekaligus perkara ini juga harus dititikberatkan oleh para penyelidik agar tidak terlalu bergantung pada sumber sejarah dan sumber utama namun sumber sekunder juga perlu diusahakan untuk dikumpul untuk kegunaan masa hadapan seperti yang dikatakan oleh (Rozeman,2004) .

### 3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Tujuan melakukan Sejarah Lisan berkenaan dengan tpik yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- Untuk mengetahui lebih lanjut tentang keunikan pembuatan wayang kulit agar sentiasa dihidupkan dan dikekalkan dalam kalangan masyarakat terutama generasi baru
- Untuk menyelidik kepentingan pendokumentasian bahan sejarah lisan tentang warisan seni pembuatan wayang kulit tradisional agar dapat menambahkan pengetahuan maklumat negara di Arkib Negara dan juga para pengkaji.
- Untuk mengenal pasti medium yang digunakan untuk mempromosi pengetahuan tentang pembuatan wayang kulit dalam kalangan masyarakat.

### 3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Konsep sejarah lisan menurut (Hutton,1993) dianggap sebagai memori dan sumber mentah dari individu apabila ada sejarawan atau penyelidik berminat untuk mengkaji tentangnya. Bahkan kajian ini dilakukan bersandarkan peristiwa tersebut dan diceritakan dalam bentuk lisan melalui temubual atau wawancara. Tambahan pula, sejarah lisan ini dikatakan mempunyai kekuatan tersendiri yang dapat menjelaskan sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lampau. Antaranya adalah pelbagai jenis sastera rakyat (folklore), mitos, lagenda, cerita asal usul dan sebagainya menurut (Abdul Rahman, 1996).

Menurut hal yang demikian, sejarah lisan ini mempunyai pelbagai kepentingan kepada penulisan historiografi kepada peradaban manusia. Hal ini kerana penulisan historiografi pada zaman dahulu mempunyai cabaran dan amat sukar diikuti dengan sumber sejarah yang terhad. Namun, sejarah lisan adalah kaedah yang dapat membina semula peristiwa sejarah itu dan memberi kepentingan dari pelbagai aspek.

Pertamanya , sejarah lisan berperanan dalam membina semula peristiwa sejarah bagi menggantikan rekod yang telah hilang akibat penjajahan seperti dalam konteks cerita penjajahan British dan Jepun. Selain itu, menurut daripada (Lin, 2020) sejarah lisan ini penting bagi menggambarkan keadaan yang jelas dan detik sejarah pada ketika itu dengan teliti melalui kaedah temubual oleh seseorang tokoh tersebut. Hal ini kerana ia dapat mewujudkan cara pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif di institusi pendidikan menggunakan hasil rakaman dan transkrip tersebut.

Seterusnya, bahan sejarah lisan ini atau dengan kata lain kesusasteraan Rakyat mampu menanam rasa kecintaan terhadap tradisi bangsa. Hal ini kerana karya sejarah lisan ini merupakan bukan ciptaan yang mendadak bahkan ia mampu memberi kelebihan sekurang-kurangnya jangka hata selama dua generasi dan karya yang tidak tahan diuji zaman akan pupus. Menurut (Syed Abdullah, 2013) karya Kesusasteraan Rakyat mampu bertahan selama mana ia menjadi kebanggaan bangsa dan masyarakat sekaligus menyatupadukan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat setempat. Keseluruhannya tanpa kajian sumber utama sejarah ini, peristiwa peristiwa tokoh ini pasti tidak dapat memberi kesan positif terhadap masyarakat secara menyeluruh dan semestinya bahan ini perlu dipelihara dengan baik dan bertujuan untuk menjadi bahan bersejarah di Malaysia.

# KAJIAN LITERATUR

## 4.0 KAJIAN LITERATUR

---

### 4.1 TOPIK 1: WARISAN KESENIAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan pelbagai sejarah, budaya serta warisan yang sememangnya menggambarkan tentang kehidupan masyarakat yang pelbagai di Malaysia ini. Malaysia ini merupakan sebuah negara yang mengandungi kepelbagaian seni warisan, dan budaya. Menurut Jabatan Warisan Negara, warisan ditakrifkan sebagai sesuatu yang diterima secara turun-temurun daripada satu generasi ke generasi baharu yang lain (Mohamad Nasruddin & Ramli, 2020). Warisan merupakan suatu elemen yang bernilai dan berharga yang menjadi satu khazanah negara dimana masyarakat perlu memikul tanggungjawab dalam memastikan sesuatu warisan itu hilang di mata dunia. Mengikut sejarah perkembangan manusia, kesenian berubah dan berkembang seiring dengan perkembangan manusia (Belakang, 2014). Dalam kata lain, ianya patut dilindungi dan dipelihara bersama demi mencapai kelangsungan hayat sesuatu warisan itu.

Warisan kesenian melayu tradisional merupakan suatu khazanah penting yang telah diwarisi sejak zaman berzaman seperti tarian, alat muzik, permainan, kraftangan, pakaian tradisional dan pelbagai lagi (*Hubungan\_etnik (1)*, n.d.). Kepelbagaian kaum di Malaysia sudah tentu mewujudkan kesenian warisan yang tersendiri dipengaruhi oleh budaya yang bergerak seiring zaman (Kahn et al., 2011). Kesenian warisan yang terlintas difikiran secara umumnya merupakan suatu cabang yang menyalurkan bakat sama ada bakat yang wujud secara semulajadi mahupun dilatih. Ianya dapat diwarisi secara turun temurun dari satu generasi ke generasi lain dengan cara harus terus menerus mengekalkan kesenian tersebut agar tidak luput dek zaman. Secara spesifik, salah satu kesenian warisan yang amat berharga adalah warisan wayang kulit (Izzati & Abdullah, 2017).

#### 4.2 TOPIK 2: Warisan Seni Wayang Kulit

Kesenian warisan wayang kulit ini merupakan salah satu warisan persembahan seni teater tradisional masyarakat Melayu yang menggunakan prinsip cahaya dan bayang. Wayang kulit secara asasnya ialah permainan bayang yang terhasil daripada sinaran cahaya daripada belakang patung boneka dan dipancarkan di layar putih iaitu kelir. Menurut Ghulam Sarwar Yousof (1994), istilah atau panggilan wayang kulit digunakan di Malaysia juga di Indonesia kerana pembuatan patungnya yang diperbuat daripada kulit (Amirul et al., 2015). Selain itu, menurut Mohamad Ghouse Nasuruddin (2000), wayang kulit ini merupakan teater yang tertua di seluruh Asia Tenggara dan ianya merangkumi negara seperti Turki, China, Kemboja, Thailand, Indonesia dan juga Malaysia (Salahuddin, 2016). Sama ada konsep persembahan wayang kulit mahupun ciri-ciri tersendiri yang terdapat pada patung wayang kulit yang dihasilkan, apabila wayang kulit itu berkembang dari suatu tempat ke lokasi baharu, ia pasti dipengaruhi dan bercirikan elemen tempatan (Jong Fook, 2007). Namun pun begitu, tanpa sesebuah patung wayang kulit yang bercirikan mengikut jenis masing-masing, pasti persembahan seni teater tradisional masyarakat Melayu ini tidak dapat dipersembahkan. Tidak dapat dinafikan lagi, pembuatan patung wayang kulit sememangnya menjadi tulang belakang untuk karya persembahan wayang kulit tersebut.

Pada asasnya, kesemua bentuk atau jenis wayang kulit yang terdapat di negara Malaysia ini datang dari pelbagai pengaruh sama ada dari Jawa atau Patani di Selatan Thailand. Namun, setiap perkembangan ini mengalami perubahan dan penyesuaian mengikut penerimaan dari masyarakat tempatan sendiri. Hal ini kerana wayang kulit secara dasarnya menjadi satu alat perhubungan masyarakat di samping menjadi pengutaraan kesenian warisan. Menurut Nong 1988, wayang kulit mempunyai kaitan rapat dengan alam ghaib dan manusia (Izzati & Abdullah, 2017). Tetapi, setiap persembahan wayang kulit itu mengikut penceritaan sendiri bersama jenis-jenis wayang kulit yang ada (Lumpur et al., 2016). Semestinya setiap persembahan yang dilakukan perlu dilengkapi bersama patung-patung wayang kulit itu. Tanpa patung atau boneka wayang kulit, persembahan wayang kulit pasti tidak dapat diteruskan. Melihat hal demikian, pembuatan patung wayang kulit sememangnya penting selain dari dalang yang mengendalikan persembahan tradisional wayang kulit tersebut.

Namun pun begitu, menurut Sapari Sukarjo (2019), pembuatan patung atau boneka wayang kulit merupakan kerajinan dan kemahiran yang hampir mati di Malaysia dan beliau amat bimbang dengan kemahiran itu yang semakin hari semakin dilupakan (Nordin et al., 2019). Seiring dengan perkembangan zaman seni wayang kulit yang berada di ambang kepupusan, hal ini terjadi kerana adanya hiburan televisyen dan elektronik yang semakin diketengahkan. Hal ini disokong dengan pusat tumpuan kegiatan wayang kulit juga semakin kekurangan dari segi bilangan kumpulan persembahan, penghasilan dalang yang aktif untuk persembahan, juga pembuat boneka wayang kulit itu sendiri (Amirul et al., 2015). Wayang kulit yang menjadi sebuah alat ktirik sosial yang bukan sahaja menceritakan sesebuah kisah, tapi dalam masa yang sama juga menyelitkan pengajaran kepada penonton nampaknya semakin dilupakan oleh generasi zaman kini (Soscili.my, 2021). Buktinya, pembuatan wayang kulit yang lazimnya dipelopori oleh kaum lelaki kini dilihat semakin luput ditelan zaman (Awanglah, 2013).

Oleh yang demikian, , amatlah penting bagi masyarakat untuk bersama – sama berganding bahu dalam memartabatkan dan memelihara kesenian warisan seni wayang kulit ini yang semestinya mempunyai nilai dan keunikannya tersendiri lebih lagi pada pembuatan patung atau boneka nya mahupun dari segi persembahan. Untuk memastikan teater persembahan seni tradisional ini terus kekal, pembuatan patung atau boneka wayang kulit ini haruslah diteruskan untuk menghasilkan sebuah pertunjukkan yang mempunyai satu master boneka bersama 14 pemuzik yang mengiringi persembahan wayang kulit itu (Nordin et al., 2019).

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH



## **5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH**

---

### **SESI PERTAMA**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang warisan seni pembuatan wayang kulit. Bersama-sama kami ialah Encik Sapari Sukarjo yang merupakan usahawan kraftangan Safis Art Enterprise. Rakaman ini dijalankan pada Tarikh 19 Jun 2021 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 2 petang melalui aplikasi Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Amirah Adlina bt Mohd Hirzun dan Saidatul Anisa bt Mohd Esa. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

**SAE : (Sambil mengangguk) Okey, kita mulakan dengan latar belakang diri, boleh encik ceritakan tentang latar belakang diri encik?**

**NAA : (Sambil mengangguk dan melakukan aktiviti)**

**SBS : Okey, latar belakang saya eh, okay nama penuh saya Sapari bin Sukarjo. Saya berumur lima puluh tiga [53] tahun. Tarikh lahir saya 21st Mei 1968. Okay saya dilahirkan di Sungai Pulai (sambil mengangguk) Muar [Johor] (sambil berdehem). Hobi saya memancing. Okay tempat tinggal sekarang ni saya tinggal di Taman Damai Jaya, Skudai Johor Bahru [Malaysia].**

**SAE : Aah (sambil mengangguk)**

**NAA : (Sambil mengangguk)**

SBS : Okay, Pekerjaan sebelum ni saya bertugas sebagai ( berdehem) di sektor swasta dalam industri pembungkusan makanan. Jadi kalau adik adik pernah makan maggi, mamee dia punya pembungkus tu, itu adalah hasil kerja tangan saya untuk yang lepas lepas lah. So[jadi] , mengenai diri saya so[jadi] latar belakang keluarga saya, okay nama bapa saya Sukarjo bin Hasan. Nama ibu saya Mariah binti Dol Manan. Bilangan adik beradik saya ada sebelas[11] orang. Saya anak ke sepuluh[10] (menunduk ke bawah).

SAE :Okay.

NAA :**(sambil mengangguk dan mengelap muka dengan tisu)**

SBS :Okay nama (gangguan talian) isteri saya Rashida binti Rashid. Dan nama anak anak saya, saya ada empat [4] orang anak, dua [2] laki dua [2] perempuan. Yang sulung tu Mohd Salman, yang kedua Mohd Aniq, yang ketiga Anis Suraya dan yang ke empat tu Alya Sarah (berdehem).

SAE :**(Sambil mengangguk) Boleh encik ceritakan latar belakang encik bermula dari pendidikan sekolah rendah?**

NAA :**(Sambil menggerakkan badan dan mengangguk)**

SBS :**(Sambil menunduk ke bawah)** Okay , saya dibesarkan di Kg Sungai Nibong, Semerang Batu Pahat [Johor], bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Utama. Darjah satu [1] sampai darjah enam [6] daripada sekolah tingkatan satu saya sekolah di Sekolah Menengah Semerang. Daripada tingkatan satu [1] sampai tingkatan empat [4]. Jadi, lepastu tiada pendidikan lanjutan atas faktor lah zaman tu zaman susah kan (gangguan bunyi persekitaran). Jadi saya

mengambil keputusan masatu SRP , SRP saya dapat naik kelas tapi dalam tingkatan empat [4] tu saya sekerat jalan. Ni adalah kerana yelah faktor kewangan pun ya, kitorang adalah bukan daripada golongan orang orang yang senang (berdeham).

**SAE : (Serentak) okay, seterusnya soalan tentang seni warisan wayang kulit. Boleh encik ceritakan apa itu definisi warisan seni?**

**NAA : (Memandang ke tepi)**

SBS : (Sambil menunduk ke bawah) Okay, definisi warisan seni adalah seni persembahan atau pembuatan yang turun temurun daripada datuk ke nenek moyang ke yang masih boleh diwariskan ke generasi yang baru dan diadaptasi dari segi berbagai kitaran ataupun berbagai perubahan tapi masih mengekalkan (gangguan bunyi kenderaan) cerita corak corak ataupun cerita cerita sebenar. Itu adalah definisi warisan seni lah.

**SAE : Seterusnya, bagi pendapat encik wayang kulit itu maksudnya sebenarnya apa?**

SBS : (Memandang atas) okay wayang kulit adalah satu persembahan (sambil menunduk ke bawah) yang kita mainkan di layar.

**NAA : (Menggerakkan tangan ke bahagian tudung)**

SBS : ataupun di panggil dalam-- definisi persembahan wayang kulit tu dipanggil kelir. Kelir adalah satu *platform* [medium] ataupun satu layar putih yang mana kita akan mainkan watak watak patung itu di -- layar tersebut. Dia macam

wayang gambar, kalau zaman dulu kan kita ada layar dia kan lepastu dia suluhkan dengan lampu tapi beza dengan wayang kulit ni, kita ada layar di belakang tok dalang tu ada lampu. Jadi, penonton akan melihat di sebalik layar itu (sambil menggerakkan tangan ke hadapan). Jadi nampaklah bayang bayang itu dipanggil siru papet ataupun wayang kulit (berdehem)- dan watak watak itu dibuat daripada kulit lah biasanya kalau untuk persembahan tu (gangguan bunyi kenderaan).

**SAE :Jadi, dah berapa lama ta- wayang kulit ini diperkenalkan?**

**NAA : (Sambil menggerakkan badan)**

**SBS :**Wayang kulit diperkenalkan (sambil menggerakkan tangan dan badannya) okay kalau saya di Johor[Malaysia] ni maklumat yang tak berapa nak sahlah takde siapa yang boleh menentukan bila daripada -- bila wujudnya ataupun bermulanya wayang kulit ini diperkenalkan -- takde siapa (sambil menggeleng) bagi kata yang boleh satu kata putus yang tepat. Jadi kalau- macam saya di Johor [Malaysia] ni saya mewarisi daripada orang tua saya – orang tua saya adalah bekas orang tok dalang. (Sambil memandang ke atas) Jadi saya generasi ketiga maknanya dalam generasi saya mewarisi sekarang dah lebih seratus tahun lebih sebab..

**NAA : (Sambil mengangguk kepala dan mimik muka senyum)**

**SBS :**Bapa saya meninggal dalam- pada umur seratus [100]tahun lebih. Jadi, datuk saya mungkin hampir juga seratus[100] dan saya sekarang dah lima puluh tiga[53] tahun maknanya boleh dikategorikan 200 tahun (sambil menggerakkan kepala) berkemungkinan tapi tak pasti lah yang saya pasti saya mewarisi generasi ketiga. Latar belakang -- kami di Johor[Malaysia] ni (sambil berfikir)

mainkan wayang kulit Jawa dan mengikut sejarahnya bila lebih kurang pada tahun 1400 berpindah -- berhijrahnya orang orang Jawa ke tanah Johor. Jadi, kat situlah bermulanya budaya budaya di bawa sekali sehinggalah sekarang apa yang ada tentang budaya orang orang Jawa ni masih -- masih boleh dilihat dan masih kekal sehingga sekarang.

**SAE :Okay kita tau yang wayang kulit ni ada pelbagai jenis mengikut negeri jugak jadi yang jenis jenis wayang kulit yang ada yang encik tau boleh encik ceritakan?**

**NAA : (Sambil menggerakkan badan dan membetulkan tudung)**

**SBS :Okay kalau dekat Malaysia eh kita ada wayang kulit Kelantan kita ada wayang kulit Gedek Negeri Kedah dan kita ada wayang kulit Jawa Negeri Johor ataupun wayang kulit Purwo Jawa- Johor terkenal dengan wayang kulit Purwo lah (berdehem) dan perbezaan antara wayang kulit ni jalan cerita dia satu dunia sama – kita mainkan Ramayana watak Maha-- yang ni- apa watak Mahabrata dan ada watak watak tambahan yang dibenarkan (berdehem).**

**SAE :Setiap jenis jenis wayang kulit yang dekat - berbeza negeri tu fungsi mereka sama ke atau tidak?**

**NAA : (Sambil mengelap tisu ke muka)**

**SBS :Oh dari segi permainan sama tapi segi watak watak tu ada sikit perbezaan lah okay kalau awak *Google* [cari okay wayang kulit Kelantan – ni dia lebih kepada – corak dia lebih kepada Siam[Thailand] wayang kulit Kedah pun sama dan wayang kulit Johor corak dia lebih – mirip kepada Indonesia (berdehem).**

**SAE :Jadi, setiap keunikan yg ada pada wayang kulit itu ada pada bentuk dia begitu (sambil mengangguk) ?**

**NAA : (Sambil mengangguk dan mengerakkan badan)**

**SBS :** Kalau - okay nak kata keunikan eh (sambil menggerakkan badan) ini mengikut citarasa tok dalang masing masing lah sebab dalam - - mereka bentuk watak ni biasanya diorang akan kekalkan daripada watak watak yang terdahulu diorang takkan cipta watak yang baru maknanya kalau watak Hanuman Si Numan Si Kera Putih tu adalah watak watak yang sinonim dan akan dikekalkan dari segi corak dan reka bentuk dia dan biasanya diorang (gangguan talian) takkan tambah ataupun ubah suai kecuali dari segi - warna tu adalah yang ada perbezaan lah dari segi warna setiap - - negeri tu tapi kalau kata Johor[Malaysia] dengan Kelantan[Malaysia] wataknnya memang berbeza mengikut kepada budaya daerah ataupun budaya negeri masing masing.

**NAA : (Sambil menunduk ke bawah)**

**SBS :** contoh kita ada pakaian- - busana Tradisional contohnya Johor terkenal dengan baju Teluk Belanga – ni sebagai contoh eh (sambil mengerakkan tangannya) kalau kita tengok kita ada kebaya Kedah kita ada kebaya Johor benda tu tak sama ada perbezaannya tapi sebutan nya sama kebaya (dengan nada lama) definasi dia macam tu lah (berdehem).

**NAA : (Sambil mengangguk dan mimik muka senyum)**

**SAE : Okay kebiasaannya wayang kulit yang dipersembahkan tu cerita dia tentang ikut negeri lah, kalau di Johor tentang pakaian, begitu ke?**

**SBS :** Ehh bukan bukan, dalam cerita wayang kulit ni satu dunia sama Taiwan ke China ke India ke Indonesia ke Malaysia ke Sri Lanka ke Filipina ke ceritanya adalah cerita mengenai watak Ramayana ataupun Mahabrata (gangguan bunyi kenderaan). Itu cerita asal dan dia ada tokok tambah lah mengenai masyarakat budaya setempat yang mana yang-- dibenarkan lah dan ada cerita cerita yg tak dibenarkan untuk ditokok tambah (sambil menggerakkan kepala). Jadi itu bergantung kepada kebijaksanaan tok dalang untk mereka menambah cerita supaya kalau kata contohlah awak -- dengar persembahan wayang kulit benda tu cakap Jawa awak faham tak? (dengan nada bertanya)

**SAE : (menggeleng sambil mimik muka tersenyum)**

**NAA : tak (sambil menggeleng dan mimik muka tersenyum)**

**SBS :** (Sambil mimik muka tersenyum) kenapa wayang kulit kurang diminati di Negeri Johor, itu salah satu punca dan salah satu sebab adalah mengenai bahasa dimana sekarang anak Jawa tak pandai cakap Jawa anak Bugis [Indonesia] tak pandai cakap Bugis [Indonesia]

**NAA : (Sambil menggerakkan badan dan melakukan sesuatu kerja)**

SBS : Bila berlakunya komunikasi ataupun perkahwinan campur (sambil menggerakkan tangan) Jawa kawin dengan Bugis anaknya jadi apa? (dengan nada bertanya) (sambil tersenyum) cakap bugis takpandai cakap jawa pun takpandai betul tak? (sambil mengangguk)

**SAE : (Suara gelak dan mimik muka tersenyum)**

**NAA : (Mengelap muka dengan tisu dan mimik muka tersenyum)**

SBS : Jadi dekat situ sekarang ni kita satu Malaysia kita dah berbahasa Malaysia anak jawa tak pandai cakap Jawa anak Bugis tak pandai cakap Bugis anak Banjar tak pandai cakap Banjar yang mana masih boleh berbahasa-- masing masing tu syukurlah sebab dia korang ni menjaga budaya dan bahasa dia sendiri.

**NAA : (Mengangguk dan menunduk melakukan sesuatu)**

SBS : Tapi *official* [rasmi] nya kita di sekolah kita adalah kita berbahasa Malaysia jadi bahasa bahasa yang wujud di kaum budaya masing masing ni semakin lama semakin susut. Kalau dulu 100 peratus orang Jawa [Indonesia] dia kawin dengan orang Jawa, kalau orang Bugis kawin dengan orang Bugis. Jadi, bahasa dan budaya tu masih terjaga tapi bila berlakunya perkahwinan campur tadi bahasa itu rosak budaya itu hilang. Awak orang apa?

**SAE : Johor (sambil mimik muka tersenyum)**

**NAA : (Menggerakkan badan dan mimik muka tersenyum)**



SBS : Keturunan? Jawa? Pandai cakap Jawa tak? (sambil mengerakkan ke arah telinga) Tak ? (serentak)

SAE :**Tak (sambil mimik muka tersenyum)**

SBS : Tak? Kenapa tak? (sambil mimik muka tersenyum) awak tak sayang awak punya bahasa ke? Awak tak sayang awak punya budaya. Awak ni tak makan tempe (sambil mimik muka dan suara ketawa)

SAE :**(Suara ketawa dan mimik muka tersenyum)**

NAA :**( Mimik muka tersenyum) Bugis [Indonesia]**

SBS :**(Menggerakkan badan dan ketawa kecil) Awak Bugis? Okay sambung.**

SAE :**Okay, jadi kita sambung dengan tentang pembuatan wayang kulit. Okay wayang kulit ada pelbagai jenis dan jenis wayang kulit yang encik hasilkan-ada bentuk dia macam mana?**

NAA :**(Menggerakkan badan dan mimik muka senyum)**

SBS :Okay, saya menghasilkan keseluruhan pembuatan adalah untuk wayang kulit Johor ataupun wayang kulit Purwo, sebab kami di Johor[Malaysia] ni terkenal dengan wayang kulit Jawa atau pun wayang kulit Purwo tadi lah. Jadi, macam saya orang tua saya (sambil menggerakkan tangan dan badan) adalah pengamal tok dalang ataupun yg membuat persembahan tu terkenal

dengan wayang kulit Jawanya. Jadi, saya kena ikut tradisi dan budaya (sambil menggerakkan tangan) penerus budaya warisan legasi keluarga saya sebagai pembuat wayang kulit Purwo. Walaupun saya bukan sebagai tok dalang tapi lebih kepada supaya warisan ni tak pupus. Jadi kt mana kita nak tengok. Jadi saya tergerak untuk meneruskan legasi keluarga ni dalam bentuk pembuatan replika yg boleh untuk dijadikan sebagai cenderamata.

**SAE :Okay dari satu jenis patung wayang kulit tu dengan watak yang lain tu mereka ada ciri ciri yang sama ke tak?**

SBS :Pembuatannya berbeza. Okay contohnya Anisa saya membuat watak bernama Anisa dengan saya membuat watak bernama Amirah. Berbeza tak? Jadi setiap wayang kulit tu ada corak dia sendiri. Contohnya tadi Haluman Si Kera Putih.

**SAE :Ohh**

SBS :Jadi ada nama Petrok, ada nama Dewi Cinta, Dewi Cinta ni perempuan jadi ada watak Ramayana. Ramayana ni lelaki isteri kepada Dewi Cinta.Jadi, watak watak ni semua berbeza (sambil menggerakkan tangan).

**NAA :Saya ada baca dekat..**

**SAE :Biasanya.. (sambil mengangguk kepada penemubual)**

**NAA : Saya ada baca dekat satu artikel kalau pembuatan tu kira macam boneka \_\_ tu ada yg mendongak ada yang macam dia kira macam ikut watak lah kalau ada yang watak tu senyum ke ape. Ape beza mendongak dengan yang menunduk tu?**

**SBS : Okay kalau kita tengok setiap watak tu ada yang mendongak (sambil perbuatan mendongak kepala) ada yang menunduk (sambil perbuatan menunduk)**

**NAA : Aah**

**SBS : Yang menunduk tu dari segi hati budi dia yang mulia dan baik. Biasanya kalau watak yang antogonis ni biasanya mendongak. Kebanyakannya lah watak watak yang-- kasar yang ganas itu adalah yang mendongak. Dan biasanya kalau watak yang baik baik lah orang cakap watak yang baik baik ni biasanya ni lebih kepada – kebanyakannya agak menunduk (gangguan bunyi kenderaan).**

**SAE : Okay (serentak)**

**SBS : Okay next [ selepas ]**

**SAE : Okay biasanya.. ya (sambil terbeheni dan mimik muka tersenyum)**

**SBS : Teruskan—**

**SAE :Kebiasaannya encik hasilkan patung wayang kulit tu ada musim atau memang selalu dihasilkan ataupun ada org tempah baru encik ada orang mahu buat persembahan baru encik buat?**

SBS :Macam wayang kulit ni saya dah enam belas[16] tahun (sambil menggerakkan badan) lapan tahun[8] *sorry* [maaf] (sambil berdehem) saya dah lapan[8] tahun terlibat secara langsung sepenuh masa. Jadi di masa kami takda kerja masa itulah kami akan menghasilkan watak watak yang kami rasa kami perlu hasilkan.

**NAA :(Sambil mengangguk)**

**SAE :(Sambil mengangguk)**

SBS :Kami tak boleh nak tetapkan okay ni dua[2] hari akan siapkan dua[2] unit ataupun tiga[3] unit sbb kerja adalah bergantung kepada kita punya (sambil berdehem) mental satu, kita punya kesabaran dan kita punya *mood* [angin]. Kalau takde *mood*[angin] kita tak boleh nak buat. Jadi bila ada *mood*[angin] kerja lain kita akan tinggal. Kat situ lah kita akan bertungkus lumus untk membuat sesuatu benda yang kita tengah -- ada idea . *Mood* [angin] tu adalah penting. Sama juga macam orang melukis, bila dia ada *mood*[angin] melukis dia akan melukis sama juga macam saya walaupun watak itu sukar tapi bila *mood* [angin] tu sampai kita akan lupa yg lain. Itu yang kita tak ingat nk makan kita hanya fokus pada pembuatan (berdehem). Tapi memang kena jati diri kena kuat lah (berdehem).

**SAE :Okay \_\_ sekarang ni pe-- apa pe (sambil memandang ke atas) penarikan orang tentang persembahan ni ada tak yang encik banyak dapat request[permintaan]?**

SBS :Macam saya saya tak buat persembahan tapi saya ada *lianse* [penghubung] dengan *group*[kumpulan] persembahan saya lebih membuat lebih kepada pendidikan.

**NAA : (Mengangguk kepala)**

SBS :Contohnya saya buat mewarna wayang kulit jadikan dia sebagai penanda buku. Okay, yang ni nanti saya akan bagi gambar-gambar yang saya dah ada sediakan kan awak berdua lah .

**SAE : Okay (sambil mengangguk)**

SBS :Jadi awak boleh tengok yang mana macam pengantung kunci. Jadi saya lebih kepada pendidikan lah. Contohnya kalau ada (berdehem) lawatan ke kompleks kraf biasanya diorang akan tanya “ada nak buat pendidikan tak”? Jadi dekat situ komuniti kami adalah komuniti yang semuanya ada akses untuk pendidikan. Contohnya dia buat batik kami ada buat batik pengusaha batik dalam komuniti kraf. (Sambil menggerakkan tangan) Jadi kalau kata dia ada nak buat wayang kulit atau kuda kepang, saya yang akan ketengah lah untuk mengajar. Jadi saya lebih kepada pendidikan (berdehem). *So* [jadi] nak jadi tok dalang bukannya mudah dan permintaannya tu boleh dikira dengan jari tapi (sambil menggerakkan badan) sebab apa satu adalah dari sebab *costing*[pengeluaran]. Contohnya (sambil memandang ke arah lain dan menggerakkan tangan) awak berdua panggil saya untuk membuat satu persembahan, kurang- - pun ada RM 5000.

**NAA : (Sambil mimik muka tersenyum dan mengangguk)**

SBS : Jadi bila kita buat pendidikan satu kepala (sambil memandang ke atas) kita akan ambik dengan harga dua puluh[20] Ringgit , so[jadi] kalau satu sekolah tu biasanya okay separuh dia akan buat wayang kulit separuh lagi dia akan orang akan buat batik. Jadi kat situ dia balik dia adalah tanda mata or[atau] dia berkunjung ke kompleks kraf dia dapat pendidikan untk mewarna wayang kulit dengan hanya dua puluh[20] Ringgit. Sedangkan bahan mentah yang kita sediakan adalah memang *original*[asli] kulit dan buatan tangan. Kulit yg kita sediakan tu memang dah pahat dan diorang (sambil menggerakkan tangan) datang tinggal mewarna saja itu pun mengambil masa (memandang ke arah lain) lebih kurang satu jam setengah [1.5] lah dua[2] jam (sambil mengangguk) siapkan (berdehem).

**SAE : Okay baiklah seterusnya dari segi pembuatan apa bahan- alatan yang encik perlukan untuk membuat wayang kulit tersebut?**

SBS : Okay satu *of course*[sudah pasti] lah kulit okay kita buat kita ambik daripada kulit kambing . Kulit kambing yang okay macam saya ni komuniti dekat situ ada komuniti yang membuat alat muzik, buat kompang buat gendang. Jadi kulit kulit yg rosak tu saya akan beli daripada diorang(sambil menggerakkan tangan) saya bersihkan balik dan saya gunakan untuk saya punya *production*[pengeluaran]. Jadi ada kitaran semula untuk mengelakkan pembaziran (sambil menggerakkan tangan dan menunduk ke bawah). Okay yang pertama adalah kulit yang kedua adalah pahat. Jadi, bila kulit dah ada kita akan *draw*[lukis] contoh saya nak buat muka Anisa (sambil menggerakkan tangan).

**NAA : (membuat mimik muka tersenyum)**

SBS : Saya akan lukis muka Anisa di permukaan kulit tu (gangguan bunyi persekitaran) lepastu saya akan pahat (sambil mengerakkan tangan) ikut reka bentuk itu sampailah siap. Jadi ada mana bahagian rambut dia ada mana bahagian telinga dia. So[jadi] benda tu mencorakkan lah cuma dia tak sama macam manusia sebab watak watak ni adalah watak watak orang cakap (sambil berfikir dan memandang arah lain ) watak-- mainan ataupun watak yang diilhamkan oleh orang orang terdahulu. Maksud- maksudnya okay contohnya kita menghasilkan satu watak Puteri Gunung Ledang. Siapa pernah tengok Puteri Gunung Ledang? Takda siapa pernah tengok kan? (sambil menggeleng)

**SAE : (Menggeleng kepala)**

**NAA : (Menggeleng kepala)**

SBS : Faham tak?

**NAA : Faham (sambil mimik muka senyum dan mengangguk)**

SBS : Jadi dekat dalam industri wayang kulit ni pun begitu. Contohnya dia cakap okay watak Hanuman Hanuman Si Kera Putih benda tu mencerminkan (sambil mengerakkan tangan) seekor kera watak tu adalah memang seekor kera tapi kalau kita tengok kera dengan watak kera sekarang kera sebenar dengan watak Hanuman Si Kera Putih tadi jauh beza dia (sambil menggeleng kepala). Jadi Cuma halusinasi manusia itu (sambil menggerakkan tangan) macam mana nak menggambarkan sesuatu watak itu. Cuma watak watak yang diorang gambarkan itu terciptanya daripada zaman dahulu sehingga sekarang takda perubahan. Jadi dia-- terjemahkan pada papatung itu contohnya watak watak yang ganas macam watak Rawana adalah watak yang ganas (sambil berdehem) . Jadi dia terjemahkan dengan giginya yang tajam se- seolah olah seperti apa ni Gozilla

zaman purba macam tu la kaedah dia. Dan bahan bahan lain yang diperlukan untuk membuat wayang kulit ini adalah pahat. Pahat tu yang memang kami reka cipta sendiri dan pahat pahat ni takda jual kat kedai kecuali awak datang kat kedai saya tu awak akan nampak lah benda tu. Dia tak sama dengan pahat kayu dia berbeza sebab setiap pembuatan wayang kulit tu ( sambil menggerakkan tangan) kita ada lebih 100 lebih pahat yang diperlukan. Dan selain daripada pahat...

**SAE :Jadi,( serentak)**

**SBS :** Kita juga perlukan buluh atau pun penyepit kayu untuk kita pasang di badan wayang kulit, di tangan dan tangan dia. Okay *next* [selepas itu]

**SAE :Tadi encik kata (sambil memandang ke atas) kulit tu daripada kulit kambing?**

**SBS :** Ya..

**SAE :Kalau..**

**SBS :** Dia ada banyak sebenarnya. Okay kita ada kulit kambing ini adalah untuk cenderamata dan untuk interaktif. Kalau untuk persembahan biasanya kita akan guna kulit kerbau atau pun kulit lembu. Di mana kulit kerbau dan kulit lembu ni dia lebih tebal dia lebih tahan lah sebab dalam persembahan wayang kulit ni kalau contohnya watak yang ganas bila dia berlawan tu dia akan kasar. Jadi kulit tu perlu lasak *so[jadi]* kalau kulit tu ataupun kayu pemegang tu tak-- kuat dia boleh patah. Okay *next* [selepas itu]



**SAE :Jadi kalau encik tak dapat daripada komuniti encik tu bahan tu (sambil mengerakkan bahan) encik selalunya ambik daripada sumber dari mana? Nak dapatkan bahan tu?**

**SBS :** Kami kat Johor[Malaysia] ni kita ada dipanggil Osman Goat Farm. Osman Goat Farm ini adalah pembekal kambing yang agak besar di Johor[Malaysia] ni dan lembu. So kulit kulit diorang ni biasanya kitorang yang akan beli. Jadi daripada situ daripada kulit basah kita beli kita akan keringkan lah. Cukur bulu dia lepastu kita akan buat untuk *production*[pengeluaran] lah.

**SAE :Okay baiklah. Jadi bahan bahan tu memang di ambil sekaligus untuk ready stock [sedia ada] atau encik ambik bila perlu je ke?**

**SBS :** Biasanya saya dengan komuniti pembuat alat muzik tadi sebab alat muzik tadi buat kompang dia berskala memang setiap hari dia akan memproses. Jadi macam saya ni bukan setiap hari membuat. Jadi di samping saya dapat kulit yang dah rosak tadi untuk buat alat alat muzik dan di samping itu juga kami akan beli lah (sambil mengerakkan tangan) secara menumpang daripada syarikat tu tadi untuk – mungkin kalau dia- - ambik lima puluh[50] keping saya ambik lima[5] enam [6] keping lah sebab lima[5] enam[6] keping tu boleh pakai lima[5] enam [6] bulan jugak sebab watak kita hasilkan kalau besar, satu keping boleh hanya untuk satu watak. Tapi kalau kecil kecil tu dia akan jadi banyak. Okay *next*[selepas itu]

**SAE :Okay macam mana pa- encik pastikan bahan tersebut untuk buat wayang kulit tu dalam keadaan yang baik? Contohnya dari aspek kulit kambing tu?**

SBS :Okay biasanya kalau kulit kambing ni kalau kita ambik basah kita akan keringkan proses pengeringan tu (sambil menggerakkan tangan) maknanya okay kulit kambing yang sedang basah tu kita akan bersihkan cuci darah dia dan kita akan layang dan buang lebihan daging yang melekat pada kulit tu lepastu baru kita jemur. Bila jemur tu ambik masa tiga [3] empat[4] hari. Bila dah cukup kering kita akan keluarkan daripada kayu dan kita akan cukur dia punya bulu. Buang bulu lepastu kita akan gulunglah kalau kita belum nak pakai kita akan gulung dan kita akan simpan. Dan benda tu tiga [3], empat [4] hari sekali kita akan keringkan balik jemur (gangguan bunyi kenderaan) sebab bila dia beruap kulit ni akan jadi lembut dia akan mengeluarkan bau. (Sambil menggerakkan tangan) jadi, aspek penyimpanan tu kena paham lah (sambil berdehem).

SAE :Okay... (sambil menggerakkan tangan)

SBS :Okay *next*[selepas itu]

SAE :Okay boleh tak encik ceritakan tentang cara pembuatan wayang kulit daripada melukis watak tersebut sehingga akhir?

SBS :Kalau nak cerita tentang pembuatan ni, saya (sambil berdehem) pernah menghasilkan satu watak bermula daripada 2016 akhirnya 2020 baru siap maknanya berapa tahun (sambil mimik muka senyum) cuba kira 2016..

SAE : (Mimik muka ketawa kecil)

NAA :Empat tahun (sambil mimik muka tersenyum)

SBS :Haa, empat [4]tahun (sambil mimik muka ketawa kecil) saya menghasilkan satu watak tu empat [4]tahun (sambil berdehem). Jadi, ada yang kita boleh hasilkan watak seberapa cepat yang boleh tapi bila tu saya cakap tadi *mood* [angin] tu penting.

SAE :**(Mengangguk kepala)**

SBS :Watak macam mana kita nak ukir atau kita nak buat *mood*[angin]tu penting. Kalau kata *mood* [angin] tu takde kan, tak payah lah awak cuba buat memang tak ke mana pergi dia tak jadi apa pun akan jadi sampah. Jadi bila *mood* [angin] tu ada, sebagai contoh tadi tu lah saya pernah menghasilkan satu watak tu daripada 2016 sampai 2020. MCO 2020 bulan lapan [8] baru siap maknanya empat [4] tahun. Sambil buat kerja lain sambil buat benda tu sambil buat kerja lain sambil buat benda tu. Jadi bila ada *mood* [angin] untuk buat kami akan tinggal kerja yang lain tu tapi yang tu memang rumit lah. Yang tu di panggil pohon beringin. Insyallah nanti saya akan kirim gambar-gambar tu (sambil berdehem).

SAE :**Tapi maksudnya kalau ada untuk siapkan untuk satu persembahan perlu ada masa yang lama lah untuk di bagitahu dulu sebab encik nak ambik masa untuk buat wayang kulit?**

SBS : Oh takda, biasanya tok dalang dia dah ada alat alat dia sendiri.

Contohnya wayang kulit yang untuk persembahan tu lebih kurang nak dekat dua ratus [200] keping diorang memang dah ada (sambil menggerakkan kepala) dah cukup satu peti. So [jadi] untuk persembahan ni berbeza dengan untuk cenderamata. Cenderamata ni yang mana kita nampak permintaan dia agak- - baik agak tinggi yang tu kita akan *refill* [isi semula] lebihkan untuk pembuatan tapi yang sebab dia kena tengok

watak. Ada - - ada watak yang orang suka ada watak orang tak suka. Jadi dari segi jualan kita akan perhatikan benda tu. Kalau kata contohnya watak Dewi Cinta, Dewi Cinta ni watak perempuan orang suka beli, jadi kita *refill* [isi semula] stok kat situ yang agak lebih lah. So[jadi], watak-watak yang lain kita akan kurangkan.

**SAE :Tadi yang tentang proses pembuatan tu macam mana mula dia? Bermula dengan melukis di kulit lepastu sambung dengan?**

SBS :Okay okay lepas kita lukis kita akan pahat. Proses memahat ni yang ambik masa lah kalau untuk satu watak yang enam belas [16] cm tinggi tu itu lebih kurang seminggu untuk satu watak. So[jadi] kalau kita nak buat yang sepuluh [10] cm tinggi itu memerlukan ka- kalau untuk yang plain yang kita nak jadikan dia sebagai penanda buku macam saya sekali saya buat empat [4] keping. So [jadi] saya lapikkan kulit tu empat keping ( sambil menggerakkan tangan) saya *draw*[lukis] satu keping jadi bila pahat tu dia akan keluar sekali keluar empat keping. Sebab tu kita akan jadikan dia sebagai untuk bahan bahan untuk interaktif. Jadi, kalau macam yang kita nak siapkan warna tu biasanya memang ambik masa lah (gangguan bunyi kenderaan) dua [2], tiga [3] hari untuk satu [1] watak, satu [1] keping.

**SAE :Okay ilm- selain daripada menggunakan bahan yang sesuai ada tak kemahiran yang paling penting yang perlukan dalam buat wayang kulit selain kena ada mood tu?**

SBS :Kemahiran eh satu [1] kena teliti bila dh tersalah pahat benda tu dah tak boleh nak tampal balik benda tu dah jadi cacat. Jadi, ketelitian tu penting sebelum kita memulakan kerja. Nombor dua [2] kesabaran ketelitian dan kesabaran ni kena campurkan. Kalau kita tak sabar dan tak teliti saya takkan buat satu watak yang akan makan masa sampai empat [4] tahun. Jadi, tapi

syukurlah alhamdulillah (sambil menggerakkan badan) sebab okay dalam bidang ni takda saingan - - kat Malaysia. Itu satu kelebihan yang ada lah yang saya dapat. Contohnya awak cari lah pembuat wayang kulit kat Malaysia yang jadikan \_\_ jadikan cenderamata kat Malaysia ada tak? Awak boleh *Google* [carian] kat mana mana.

**SAE : (Sambil mimik muka tersenyum)**

**SBS :** Jadi, kalau sekarang ni okay adik belajar ambik dokumentasi rekod?

**SAE : (Sambil mengangguk kepala)**

**NAA : (Sambil mengangguk kepala dengan mimik muka senyum)**

**SBS :** Berapa ramai saingan untuk memohon satu jawatan? satu Malaysia ada berapa ribu orang kan? Tapi macam saya (sambil menggerakkan tangan) takda saingan. Dekat situ tulah orang cakap rezeki yang di bagi tu tak sama walaupun dia tak menjadikan kita sebagai seorang jutawan tapi cukup untuk kita membesarkan sebuah keluarga yang sederhana tapi aman dan tenang. Kat situlah rasa ketenangan yang ada walaupun kita ni orang cakap “mereka wayang kulit takkema pun” tapi sampai sekarang adik adik masih boleh melihat, masih boleh dapat masih boleh walaupun di alam maya masih boleh jumpa pakcik bertanya tentang wayang kulit. Sekiranya ada kesempatan boleh datang Kompleks Kraf Johor boleh rasa sendiri wayang kulit tu macam mana. Jadi itulah kesempatan yang ada mungkin..

**SAE : Betul betul...**

SBS :untuk sepuluh [10] lima belas tahun[15] akan datang ni kalau di bagi kesihatan, di panjangkan usia Insyallah selebih daripada tu memang susah nak cari benda benda ni . okay *next*[selepas itu]

**SAE :Dari segi ilmu tu memang diturunkan daripada ayah encik lah arwah encik?**

SBS :Okay, turun kan mungkin ada darah seni yang mengalir lah dalam jiwa saya tapi di peringkat permulaan macam mana saya terjebak dalam bidang ni. Bila faktor usia tu dah meningkat ke tiga puluh lima [35] saya dah muka terpikir kerja makan gaji sampai- - bila kita boleh bertahan.

**SAE : (Sambil mengangguk kepala)**

SBS :Jadi dekat situ saya sentiasa membuka minda. Apa yang saya nak buat selepas pencen. Contohnya saya bekerja sampai umur lima puluh lima[55] kan lepastu saya nak buat apa bila kita duduk dekat bandar dah besar ni walaupun kita dah tak kerja tapi kita kena ada punca kewangan (sambil menggerakkan badan). Jadi kat situ saya terfikir..

**SAE :Betul betul**

SBS :Saya terpikir warisan saya ni ke mana akhirnya. Saya adalah darah seni daripada orang tua lepas tu walaupun benda ni benda yang bukan *familiar* [kebiasaan] pada generasi sekarang ni orang akan cakap “alah, wayang kulit je pun” tapi ini adalah satu budaya yang kita kena jaga. Kalau saya tak memulakan benda ni tak menurunkan kepada saya punya warisan saya punya waris siapa lagi yang nak buat. Jadi, anak anak pun mungkin tak dapat eh kat mana kita nak buat *research* [penyelidikan] tentang

wayang kulit. Jadi, dekat situlah (sambil menggerakkan tangan) bermulanya saya punya sejarah permulaan macam mana saya terlibat secara langsung dalam pembuatan wayang kulit.

**SAE :Baiklah dari pembuatan wayang kulit tu berapa orang yang terlibat? Kalau encik pihak encik?**

**SBS :Untuk pembuat ke macam mana ?**

**SAE :Untuk buat wayang kulit tu berapa orang yang perlukan?**

**SBS :Wayang kulit ni kalau - - saya (sambil menggerakkan tangan) bagi pada Anisa atau Amirah saya rasa hari hari Mira dengan Nisa datang tengok je (sambil ketawa kecil) .**

**SAE :(Sambil mimik muka ketawa kecil)**

**SBS :Okay pembuatan wayang kulit ni tu saya cakap kita perlukan satu minat yang cukup mendalam dengan sabar yang cukup - - sabarnya. Walaupun gelora, rintangan, bandarair, ribut, petir datang kita takkan lari baru akan terhasilnya se-suat benda yang kita nak hasilkan. Tapi kalau (berdehem dan menggerakkan tangan) dia tak perlu ramai kalau kata nak buat satu watak tu macam saya memang saya lah buat sorang Cuma macam saya diperingkat memperkenalkan pembuatan ni kepada saya punya generasi. Saya ada seorang anak lelaki anak yang nombor dua [2] dah mula mengikut jejak dan tak mustahil satu hari saya akan mewariskan produk**

produk ni untuk jangka masa yang akan datang. So dia akan jadi pewaris yang ke empat [4].

**SAE :Biasanya pembuatan wayang kulit tu encik lakukan dekat bengkel ke atau ada tempat yang specific[khusus]?**

**SBS :**Dekat bengkel lah. Sebab sementara kita nak tunggu pelanggan datang tu pun kita 'dah boleh memulakan' produksi seharian sebagaimana (sambil menggerakkan tangn) yang kita biase lah macam kita okay harini makan nasi lauk apa jadi macam saya dalam pembuatan ni wayang kulit pun sama hrini saya nak buat watak apa jadi ikut kita punya *mood* [angin] kalau harini nak buka okay harini kita nak buat watak Hanuman jadi kita buatlah watak Hanuman. Jadi, setelah siap pembuatan tu kita akan gred kan sama ada kita taruk dalam bekas kaca atau pun kita akan taruk dalam *frame*[bingkai] gambar atau pun kita akan jual terus macam tu je dan kita kena tengoklah pada tempahan tempahan daripada tok dalang tok dalang yang ada. Diorang kadang- - berminat ataupun dari pelancong pelancong. Biasanya kalau pelancong atau pun permintaan daripada masyarakat ni dia akan datang *catch*[tangkap] *and*[dan] *carry*[bawa]. Jaranglah kalau dia buat tempahan pun dia akan tanya watak apa ada. Jadi kita akan bagitahu diorang lah watak apa yang kami ada simpan.

**SAE :Bila...**

**SBS :**Okay *next*[selepas itu]..



**NAA** : (sambil melambaikan tangan) saya ada soalan kalau dekat bengkel tu, contoh encik buat pembuatan tu kan daripada melukis bagi dekat orang *i mean* [maksud saya] dekat pekerja buat untuk proses seterusnya macam pahat ke? Mungkin ada orang lain buat ataupun memang encik buat semua tu (sambil menggerakkan tangan) ? (gangguan bunyi )

**SBS** : Okay awak tau UNIMAS tak?

**SAE** : Tau ( sambil mengangguk kepala)

**NAA** : Aah ( sambil mengangguk kepala)

**SBS** : Okay UNIMAS ada salah seorang *student* [pelajar] yang buat *research* [penyelidikan] tentang wayang kulit dan dia berkesempatan untuk menghasilkan satu watak (sambil menggerakkan tangan) yang ringkas lah yang untuk yang sebagai penanda buku.

**NAA** : (Sambil menggerakkan badan melakukan sesuatu)

**SBS** : Jadi, saya ajar dia sampai dia habis memahat sebab kami tak boleh nak izinkan siapa siapa datang untuk belajar memahat sebenarnya sebab satu sebenarnya dari segi aspek keselamatan. Pahat itu tajam. Jadi, tapi kami kena tengoklah kalau kata pelajar tu memang betul betul berminat kami akan bagi peluang. Bukan kata benda ni kami terlalu susah tidak juga (sambil menggeleng kepala). Kita nak dapat merasa sendiri macam mana pembuatan yang susah tu kita lakukan. Jadi, ada kalanya untuk *student* [pelajar] - - macam awak ni yang buat yang menilai tentang sejarah wayang kulit ni atau pun buat *reseach* [penyelidikan]. Kami akan tunjukkan macam mana susahnyanya

SBS :Kompleks mana ada ? kraftangan ? (sambil ketawa kecil) awak pergi dekat kompleks kraftangan awak tau jalan \_ Kuala Lumpur [Malaysia] HQ [head quarters] kraftangan yang terbesar.

NAA :Ohh

SBS :Okay - - awak pergi dekat sana pun takde pasal saya dekat Johor Bahru[Malaysia] tapi bila- - saya buat *education* [pembelajaran] nanti Insyallah la saya akan *share*[kongsi] macam mana saya buat *event*[majlis] saya akan *share*[kongsi]. Jadi, biasanya saya buat *event*[majlis] hanya untuk *education*[pembelajaran]. Jadi, kat situ nanti awak akan nampaklah macam mana program yang kami laksanakan (berdehem) Okay *next*[selepas itu].

SAE :Okay dalam wayang kulit tu dia siap diwarnakan ke- kan? Dari satu watak tu (sambil menggerakkan tangan) sampai siap di warnakan kan?

SBS :Ya, warna tu bergantung kepada kita kesukaan kita dan warna tu biasanya kedua belah sebelah belakang dan sebelah depan (sambil menggerakkan tangan) dan biasanya kedua belah tu lebih kurang samalah. Kalau kita tengok secara teliti kita akan nampak cacat cela dia tapi kalau kita tengok secara rambang nampak seakan akan sama kedua belah.

SAE :Jadi , setiap warna yang digunakan tu ada tak maksud tersendiri atau simbol selain daripada wayang kulit tu dibuat ikut watak?

SBS :Maksudnya ?

**SAE :Maksudnya contoh dekat bahagian wayang kulit tu ada warna (serentak)**

SBS :Oh, okay okay faham- - . Okay setiap watak yang ada tu dia contohnya dekat di pergelangan tangan tu dia ada pakai *crown*[mahkota] (sambil menggerakkan tangan) benda tu ada nama nama dia ada simbol simbol dia dan setiap – saya pun tak selalu bijak sangat tak terlalu arif sangat tentang benda benda ni tapi biasanya benda benda ni macam tok dalang dia lagi arif lah sebab tok dalang ni setiap watak tu daripada hujung rambut sampai hujung kaki Insyallah kalau awak tanya dia dia boleh cerita.

**SAE :Okay (sambil ketawa kecil) untuk harga sebuah wayang kulit tu wayang kulit yang dijadikan untuk persembahan dan wayang kulit untuk kraftangan tu encik harga dia kebiasaanya berapa?**

SBS :Okay saya daripada harga untuk (sambil menggerakkan tangan) pembuatan la eh daripada sepuluh [10] Ringgit sampai ribuan ringgit. Jadi ada yang tiga ratus [300] Ringgit, tujuh ratus [700] Ringgit ada yang seribu [1000] harga - - mengikut kepada kesesuaian sebuah watak dan kesusahan untuk membuatnya. Jadi macam penggantung kunci tu kecik kecik je dia dua inchi setengah [2.5] tinggi tu dalam sepuluh [10] Ringgit tapi kalau untuk yang - - (sambil menggerakkan tangan) penanda buku tu biasanya saya jual dengan harga empat puluh [40] Ringgit kalau untuk yang besar sikit yang enam belas[16] cm tinggi yang tu tangan kita boleh gerak gerakkan itu dalam lingkungan seratus lima puluh [150] Ringgit dan itu yang..

**SAE :Untuk satu *pieces* [item]?**

SBS :Ya, kalau untuk yang dua puluh lapan [28] cm tinggi itu lebih kurang tiga ratus [300] hingga lima ratus [500] Ringgit dan untuk yang permainan sebenar yang tiga puluh [30]cm ataupun dua puluh lima [25]cm itu tujuh ratus [700] hingga seribu [1000] Ringgit bergantung kepada susah ke senang dalam aspek pembuatannya.

**SAE :Baiklah kita ke penglibatan encik dalam warisan seni wayang kulit ni. Jadi, selain daripada waris keluarga ada tak faktor lain yang menyebabkan encik terlibat dengan industri ni?**

SBS :Okay bagaimana saya terlibat saya pernah cerita tadi (sambil mimik muka tersenyum) macam mana saya terlibat saya terjebak dalam bidang ni pertamanya bila saya fikir duduk dekat bandar ni dah pencen pun kena - - kerja lagi. Jadi, bukan- kalau kita tengok sekarang ek ramai yang telah pencen tu jadi sekuriti. Bukan nak cakap kerja sekuriti tak bagus tapi kita di bagi akal dan fikiran untuk menilai sesuatu benda lain dari yang lain.

**SAE :(Sambil mengangguk kepala)**

SBS :Jadi saya fikir bila dah pencen nak buat kerja apa dekat situ lah timbulnya *why not* [mengapa tidak] saya buat produk ni saya komersialkan daripada diorang buat persembahan kita komersialkan jadikan sebagai satu industri. Saya seronok bila kata ada usahawan usahawan lain yang baru nak mencuba benda ni boleh silakan datang Insyallah saya boleh ajar macam mana nak buat produk produk ni jadikan sebagai sumber pendapatan (sambil berdehem). Ilmu kena kongsi, jangan makan sendiri.

**SAE :Baiklah, betul..(sambil mimik muka tersenyum)siapa sebenarnya yang menjadi pendorong encik dalam menceburkan dalam industri ini selain daripada keluarga? Ada tak inspirasi luar?**

**SBS :Okay yg mendorong adalah diri saya sendiri. Saya ingin berjaya seperti mana orang lain berjaya tapi kita melalui sumber yang berbeza. Contohnya kalau dekat Malaysia sekarang, awak tengok jualan kosmetik nampak tak? Awak nampak tak jual kosmetik jual tudung berapa ramai orang dalam industri tersebut? Jadi dekat situ saya berpikiran akan berlaku (sambil memandang arah lain dan berfikir) - - perebutan harga untuk memasarkan. Siapa tinggi belum tentu (sambil menggeleng kepala) dia boleh jual tapi bila dalam indutri ni saya pikir takda pesaing kita akan menjadi mudah untuk mengawal harga. So[jadi], kalau lagi satu benda ni dia tak basi bukan makanan so [jadi] mungkin kita boleh simpan sepuluh [10] tahun ke lima[5] tahun ke dia *still*[masih] macam tu sebab saya ada simpanan warisan keluarga yang berusia lebih daripada 150 tahun (sambil berdehem) okay *next*[selepas itu].**

**NAA : (Sambil menggerakkan tangan) Okay kita masuk pada subtopik kraftangan macam yang encik ca- kata\_\_ kita google susah nak jumpa orang yang buat wayang kulit ni jadikan cenderamata. Jadi macam mana encik dapat idea tercetusnya idea macam encik buat wayang kulit besar tiba tiba encik buat jadi cenderamata.**

**SBS :Okay wayang kulit ni susah nak jual sebenarnya. Wayang kulit ni susah nak jual sebab satu daripadanya ada lah budaya yang terlibat secara langsung atau pun tidak dari segi pembuatan itu sendiri. Contohnya kalau dari segi persembahan mungkin ada yang melibatkan benda benda yang mistik paham tak?**

**NAA :(sambil mengangguk)ma\_\_**

**SBS** :Maksudnya benda mistik paham tak? Maksudnya adalah benda yang kita tak nampak. Okay contohnya kuda kepang dekat Johor[Malaysia] diharamkan untuk persembahan okay sebab apa sebab dia ada unsur unsur mistik. Bila mana dia buat persembahan ataupun dia panggil masa dia tidak sedarkan diri masa dia mabuk dia boleh makan kaca. Jadi kemana kaca itu pergi? (sambil menggerakkan tangan) Jadi atas faktor faktor benda yang melibatkan keselamatan atas faktor faktor itulah mufti telah membuat pengharaman untuk persembahan yang memudaratkan. Jadi untuk persembahan yang tak memudaratkan takda masalah (sambil menggeleng) pun. Tapi biasanya bila diorang buat persembahan macam mana pun diorang still[masih] akan mabuk. Salah seorang daripadanya akan rebah (sambil berdehem). Jadi, sama macam wayang kulit bila yang melibatkan unsur unsur mistik ni. Okay cuba nanti awak tanya pada ibu bapa awak, awak dah habis je belajar cakap dengan ibu bapa mak ayah saya nak jadi pembuat wayang kulit. Apa jawapan diorang ?(sambil mimik muka tersenyum) nanti bagitahu saya eh .

**NAA** :(Sambil mimik muka tersenyum)

**SAE** :(Sambil mimik muka tersenyum)

**SBS** :Diorang setuju ke tidak? Sebab benda ni orang tak nampak *marketing* [pemasaran] dia macam mana. Okay macam saya, saya adalah pakcik yang buta *IT* [Information technology] sebab tu bila awak google - - awak dapat sikit sikit je awak takdapat banyak sebab saya bukan seorang youtuber[pencipta kandungan youtube]. Saya membuat kerja saya dengan kasih dan sayang dan lagi satu saya memang tak pandai *IT* [Information technology]. Kalau saya pandai *IT* [Information technology] saya punya produk ni dah macam macam keluar kat Malaysia ni dalam Youtube ke dalam Fb [Facebook] dan sebagainya. Jadi saya lebih suka (berdehem) nasiblah kalau awak boleh jumpa saya akan jumpa akan berbual. Kalau tak

jumpa , tak jumpa lah awak mungkin akan jumpa orang lain tapi dekat Johor[Malaysia] kita masih ada empat[4] tok dalang yang masih aktif. Salah seorang adalah tok dalang muda yang mana umurnya masih dua puluh [20] tahun. Jadi, kami berkolaborasi dengan sesiapa saja (berdehem) sebab kita kena jaga sejarah budaya kita. Kalau kita tak jaga kat mana awak nak buat *research*[penyelidikan] , kat mana awak nak cari orang orang macam saya mungkin sekarang awak boleh jumpa lagi sepuluh [10 ] lima belas [15] tahun kalau saya takda belum tentu awak akan jumpa, so [jadi] Insyallah lah mungkin benda ni akan turun temurun saya akan cuba sebaik mungkin untuk meneruskan legasi keluarga saya daripada arwah orang tua saya dan kepada saya dan mungkin kepada anak anak saya nanti Insyallah.

**NAA :Okay baik untuk (serentak)**

SBS :Okay *next* [selepas itu]

**NAA :Untuk cara atau proses pembuatan wayang kulit tu untuk dijadikan cenderamata adakah proses tu sama sebiji sama untuk buat patung boneka tu ataupun ada langkah langkah yang takda untuk buat wayang kulit tu?**

SBS :Dia untuk jadikan cenderamata sama je benda yang dah siap tu sama ada kita masukkan dalam *glass*[kaca] ataupun kita masukkan dalam bingkai gambar so[jadi] kalau masuk dalam bingkai gambar tu, bingkai gambar tu kena tebal sikit lah dalam kosong tu so[jadi] bila kita nak masukkan benda tu duduk di tengah tengah dia akan nampak cantik sikit lah( berdehem). Jadi, idea idea macam ni lah yang kita kena ada dan kita kena ada idea idea yang kreatif sebab kalau dekat Malaysia eh contohnya la eh harini you[awak] buat satu barang you \_\_ dekat FB [Facebook] \_\_ dekat IG [Instagram] dan sebagainya bulan depan orang dah mula berebut rebut nak buat barang yang sama dengan awak. Jadi, saya bukan - - taknak \_\_ dekat IG[Instagram] ke

sebab saya pun memang takde IG[Instagram] (ketawa kecil) saya takda IG[Instagram] ada FB [Facebook] pun tak larat nak buat.

**NAA : (Menggangguk kepala dan mimik muka ketawa)**

**SAE : (Mimik muka tersenyum)**

**SBS :** Bila buta *IT* [Information Technology] kan kesian pakcik ni kan (ketawa kecil) Okay *next* [selepas itu]

**NAA :** Jadi untuk bahan nak buat wayang kulit jadikan cenderamata tu masih sama kulit kambing atau pun encik *downgrade* [rendahkan] kan jadi guna benda lain ke selain guna buluh semua?

**SBS :** Takda takda yang tu kami *still* [masih] masih guna kulit yang sebenar, kulit kambing yang lain lain tu takdalah yang lain- - tu Cuma gabungan (sambil menggerakkan tangan) . contohnya kayu tempat kita nak pacakkan dia ataupun bingkai yang macam mana kita perlu adakan yang lebih nampak menarik kepada masyarakat sekarang. Kalau kita buat yang terlalu kuno, terlalu ke zaman dahulu kala orang yang tengok pun tak ndak kan. Jadi, kita kena tampal lah sikit taruk benda sikit taruk *make up* [alat solek] sikit dan yang ada campuran kepada bahan bahan yang moden lah mungkin ada tembaga sikit untuk buat dia punya plak benda benda tu yang mendapat sambutan dan tarikan daripada masyarakat (berdehem) atau pun daripada jabatan jabatan lah sebab ada orang nak pegang wayang kulit pun takut sebenarnya. Jadi, macam mana kita nak mengembangkan wayang kulit? Ada yang cakap “eh, wayang kulit ada hantu ni”. Jadi, macam mana kita nak ubah sikap diorang ni sebab tu kami kalau macam saya di kraftangan bila ada sesi lawatan dia akan datang sebuah kedai ke sebuah kedai. Dekat



situ ada lapan[8] unit kedai so[jadi](berdehem) bila sampai di kedai saya, saya akan memberi satu penerangan yang berguna untuk pelajar pelajar atau untuk pengunjung. Jadi, kami akan bagi diorang merasa sendiri pegang watak watak yang sedia ada tu atau watak watak yang dalam pembuatan. So [jadi] diorang dapat nilai lah jadi dekat situlah kami mengembangkan wayang kulit ni supaya masyarakat generasi sekarang dapat rasa dapat pegang dan dia tau benda ni “oh, kulit je pun” takda pun hantu hantu dan sebagainya. Jadi, ini adalah pendapat masyarakat dulu yang mana di wartakan “eh, wayang kulit ada hantu” (sambil menggerakkan badan) jadi anak dia pun akan sebut “eh, wayang kulit ada hantu”. Jadi, macam mana kita nak - - hapuskan sikap sikap ini jadi daripada situlah kami mula mengendalikan program yang dipanggil Interaktif untuk pengenalan kepada budaya budaya baru untuk generasi yang baru ni supaya (berdehem) ada sifat keberaniaan untuk memegang watak watak wayang kulit yang ada. Okay..

**NAA :Betul yang macam encik cakap apa generasi baru ni mungkin takut sebab bila kita saya sendiri yang baca pasal *definition*[definisi] - - wayang kulit ni “oh daripada unsur mistik lah” dari apa dari luar- - punya unsur budaya tu semuanya, jadi saya pun rasa “oh mungkin pemikiran saya sempit jugak macam..**

**SBS : (Menggerakkan badan dan ketawa kecil)**

**NAA :Mungkin perlu daripada inisiatif mungkin saya perlu pergi tempat kompleks tu untuk encik sendiri bagi penerangan lebih lanjut. Okay jadinya soalan seterusnya cabaran ada tak cabaran yang encik hadapi bila nak hasilkan sesebuah cenderamata tu? Mungkin cabaran dia tak sama - - macam encik buat wayang kulit patung boneka.**

SBS :Cabaran sebenarnya sama awak (sambil menggerakkan tangan) hasilkan yang kecil ke yang besar cabaran dia tetap sama. Kat mana cabaran dia? Cabaran dari segi masyarakat penerimaan tentang budaya pembuatan wayang kulit itu sendiri macam saya cakap tadi bila saya buat demo [sci, demonstrasi] kat tepi jalan ke di bawah mana mana kementerian sama ada Yayasan Warisan Johor, Kraftangan Malaysia atau pun JKKN bila saya memahat tu akan ada manusia yang datang untuk bertanya “ni ada hantu dia tak” itu adalah soalan cepumas yang selalu dan kerap saya dapat *feedback*[maklum balas] daripada masyarakat. So[jadi], daripada situ baru saya perasan di peringkat permulaan dulu tak sama sangat tapi bila lama kelamaan timbulnya satu pertanyaan yang hampir sama setiap kali jumpa dekat situ saya (berdehem) saya baru perasan yang produk saya hasilkan ni sebenarnya mendapat tentangan daripada masyarakat sendiri so [jadi] macam mana kita nak jual ataupun bila si isteri datang tengok dengan suami isteri cakap “eh,cantiknya kita buat perhiasan dekat- kat dalam rumah” si suami akan cakap “eh, ni patung malaikat tak masuk rumah nanti”. Jadi, itu adalah kekangan yang saya dah selalu sangat jumpa lah tapi pada saya kalau kita nak ikutkan sangat masyarakat ni kita tak makan pun sebab diorang pun tak bagi kita makan. Jadi, kita berkolaborasi dan kita (berdehem) kita buat apa yang kita minat tapi kita tak boleh nak ketepikan batas batas agama. Jadi, kalau pada diorang nak anggap “eh, ni patung” (gangguan talian) \_ itu terpulang pada diorang. Apa yang saya anggap ialah itu adalah satu khazanah yang perlu diteruskan dan kita kena meneruskan untuk legasi akan datang untuk generasi akan datang masih boleh melihat. Jadi, kalau kata kita terfikir “oh ni patung tak boleh ni” apa ni kita tak boleh nak mencari makan dengan membuat patung kita silap sebenarnya. Jadi, kalau kata *you*[awak] anggap wayang kulit itu adalah syaitan pada pemikiran tu itu adalah syaitan.

NAA :(Ketawa kecil)

SBS :Tapi pada saya saya menganggap wayang kulit itu adalah sebuah perhiasan tak kira lah awak taruk kat dinding ke kat mana dia *still*[masih] perhiasan so[jadi] saya tak menganggap lebih daripada tu. Jadi, anggapan dan tanggapan ini yang berlaku pada masyarakat kata orang 'tepek dada tanya selera' Okay *next*[selepas itu]

NAA :Faham. Okay bagaimana bentuk dan saiz kraftangan wayang kulit macam encik cakap tadi untuk *keychain*[penggantungan] dalam berapa sepuluh[10] cm eh?

SBS :Untuk *keychain*[penggantungan] dalam dua [2] inchi..

NAA :Oh, dua [2] inci (sambil memandang tepi)

SBS :(Memandang ke arah tepi) dalam dua[2] inchi berapa ek?\_ dua inchi setengah [2.5] dalam lima [5] cm lebih kurang lah]

NAA :(Sambil mengangguk kepala)

SBS :Lebih kurang lima[5] cm lepastu kita ada sembilan[9] cm yang untuk penanda buku kita ada enam belas [16] cm kita ada dua puluh lima [cm] kita ada tiga puluh lima [35] cm dan kita ada lebih empat puluh [40] cm. Jadi , jadi ada banyak watak (berdehem).

**NAA :Jadi soalan seterusnya macam mana penerimaan orang ramai tentang cenderamata wayang kulit ni kalau macam encik cakap tadi masa encik buat mewarna ke pahat kat tepi tu orang tanya pasal boneka kan, kalau macam cenderamata ni pulak macam mana? (sambil menggerakkan tangan)**

SBS :Okay biasanya cenderamata ni kita akan masukkan dalam *glass* [kaca] atau pun kita masukkan dalam *frame*[bingkai] dan kita akan solek kan dia lah dan kita ada dia punya identiti dia nama watak atau pun lepastu kita ada *plate*[alas] okay nak bagi kepada menteri mana contoh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan atau pun menteri di Jabatan Kebudayaan Negeri Johor atau pun Malaysia. Jadi, kita ada banyak khazanah yang makin sukar diterima okay contoh eh dalam industri wayang kulit ni saya sebagai seorang pembuat dan sebagai penjual cenderamata biasanya bila sebut wayang kulit orang akan takut. Lagi satu diorang pikir okay wayang kulit ni adalah budaya Kelantan [Malaysia] bukan budaya Johor[Malaysia] jadi kat situ masa kita sekolah dulu kita takde belajar benda ni sebenarnya biasanya bila cerita wayang kulit kalau di Johor[Malaysia] la eh wayang kulit Kelantan wayang kulit Kelantan tapi dia tak tahu Johor ada wayang kulit sebab budaya ni tak di ajar dari sekolah dia hanya bercerita wayang kulit tidak - - menyeluruh kepada negeri mana negeri Johor [Malaysia] ke negeri Kelantan [Malaysia] ke atau pun negeri Kedah [Malaysia] budaya ni takda. Jadi macam mana benda tu nak berkembang dengan baik dengan sihat. Kita ada sekolah seni tapi adakah sekolah seni perjuangkan seni wayang kulit ? takda tu masalah (ketawa kecil) itu masalah awak boleh cerita dengan awak punya professor atau pun dekan awak tanya dia “kenapa awak tak pergi sekolah seni”? Cari produk produk dari wayang kulit sebab dekat sekolah seni sepatutnya ada tapi kenapa takda? Daripada situlah saya ambik inisiatif sebab tu saya tak masuk di bawah JKKN , bila masuk di bawah JKKN Jabatan Kesenian dan Kebudayaan saya kena ada satu produk contohnya persembahan. Kenapa saya masuk di bawah kraftangan ? sebab saya masuk dalam bidang aneka kraf tapi kos saya yang utama adalah pembuatan wayang kulit. Jadi, wayang kulit adalah seni kraf yang kita

buat guna tangan jadi itu yang di panggil kraftangan. Jadi, dekat situ lah seni saya mula berkembang sampai lah sekarang selama lapan[8] tahun bermula 2014. Tapi sebelum tu 2012 saya dah mula belajar dari rumah jadi pada 2014 tu saya nekad berhenti makan gaji walaupun gaji saya dah empat [4] angka. Jadi, dari situ lah bermula nya yang orang cakap dugaan - - sebagai pembuat wayang kulit daripada 2014 bukannya senang - - sebagaimana adik adik sekarang Cuma tinggal salin je bagi soalan salin bagi soalan salin (ketawa kecil ) tapi siapa nak merealisasikan kita punya cerita tentang pembuat wayang kulit ni tak semudah - - di peringkat awal. Tapi... Tapi sekarang ni Alhamdulillah lah jadi (menggaru kepala) pertamanya memang rezeki itu dah dibagi-bagi, jadi kalau itu memang rezeki awak,rezeki awak lah. Awak tak perlu takut tak ada rezeki ke, jangan fikir benda-benda macam itu (batuk kecil). Okay, *next* [seterusnya].

**NAA :Betul dengan apa yang encik cakap tu, yang penting kita kena yakin lah dengan apa yang kita buat.**

SBS :Ya, betul.

**NAA :(Mengangguk) Untuk soalan seterusnya, adakah cenderamata wayang kulit yang encik hasilkan ni mendapat permintaan tinggi daripada orang ramai ataupun mungkin daripada permintaan luar negara?**

SBS :Okay, sebab, okay- saya duduk [scl, berada] saya tinggal di,di bawah naungan Kompleks Kraf Negeri Johor, jadi bila kite sebut tentang Kompleks Kraf ni, pengunjung yang datang bukan setakat dari daerah ataupun negeri atau dalam negara Malaysia. Jadi, pengunjung yang datang, kebanyakannya dari Singapura, daripada luar negara, daripada Jerman, daripada Itali. So [jadi], diaorang [pengunjung luar negara] yang lebih *excited* [teruja] untuk melihat dan mempelajari seni pembuatan

wayang kulit daripada masyarakat di Malaysia itu sendiri. Sebab (batuk kecil) cara pembuatan tu lah, cara pembuatan tu satu yang mengambil masa agak panjang dan ketabahan, ketabahan sebagai seorang pembuat wayang kulit. Awak kira lah ea, kalau saya jual satu watak tu tiga ratus, tiga ratus [300] ringgit , tapi saya nak siapkan dalam masa dua minggu, satu hari berapa sen gaji saya? Ha, cuba awak kire (ketawa besar).

**SAA : (Berfikir dan tersenyum)**

**SBS : Ha, tapi tu lah sebab rezeki tu memang dah diatitkan oleh Sang Maha Pencipta [Tuhan], InsyaAllah ada rezeki (berdehem kecil)**

**SAA : Permintaan wayang kulit ni ada beza tak dari sebelum keadaan pandemik [ini] dengan selepas [sci,semasa] covid ni ?**

**SBS : Okay ea (berfikir sekejap), sebelum covid ni pendapatan saya enam ribu [6000] ke atas setiap bulan, sampai ke empat belas[14,000], sampai ke dua puluh [20,000], sampai ke lima puluh ribu [50,000] sebulan. Tapi bila pandemik ni, Alhamdulillah lah, masih ada juga, walaupun bukan yang dari segi- bukan yang dari permintaan daripada wayang kulit, tapi kita ada permintaan daripada produk-produk yang lain contohnya macam gambus. Jadi, sebab saya buat cenderamata, jadi ada pelbagai,jadi cenderamata yang saya hasilkan adalah cenderamata budaya contohnya kita ada rumah limas johor, kita ada gambus johor,jadi cenderamata yang ada mengenai budaya negeri Johor [Malaysia]. Kita ada pakaian, pakaian budaya, busana negeri Johor [Malaysia] jadi, permintaan tu memang tak pernah putus, Alhamdulillah walaupun masa pandemik ni masih ada lagi jabatan-jabatan di jabatan kerajaan yang buat- contohnya diaorang berpencen atau berpindah atas kenaikan pangkat, jadi dia perlukan satu produk cenderamata yang ada**

komersial, yang ada *branding* [penjenamaan] daripada negeri Johor [Malaysia], jadi produk-produk ni sentiasa ada permintaan lah daripada agensi-agensi kerajaan ataupun swasta. Alhamdulillah- sebabtu saya cakap, awak dua orang habis je [sahaja] belajar cakap dengan mak ayah nak buat wayang kulit. Tengok jawapan mak ayah macam mana. Berani tak cakap? (ketawa kecil)

**NAA :Berani tanya tapi takut jawapan tu (ketawa kecil)**

SBS :Tak ada, saja tanya, saja tanya, apa reaksi diaorang. Ha, cuba tanya. Mungkin diaorang tak nampak (memandang ketepi sambil membuka kaca mata). Angah, angah (memanggil anak) angah ambik wayang kulit kat tempat angah tu (memakai kaca mata semula). Okay, awak amik *degree* [ijazah] ea?

**NAA :Aah (mengangguk kepala).**

SBS :Okay, *degree* [ijazah] sekarang *basic* [asas] berapa sebulan? *Starting* [permulaan] ?

**NAA :Satu lapan [1800].**

SBS :*Degree* [ijazah] satu lapan [RM1800]? (menyoal kembali).

**NAA :Paling rendah lah.**

SBS :Okay, saya *offer* [tawar] awak dua ribu lima ratus [RM2500] nak? Kerja dengan saya?

NAA :**(Tersenyum)**

SAE :**(Tersenyum)**

SBS :Betul, KWSP ada, SOSCO ada, tapi saya nak dua watak awak hasilkan wayang kulit setiap hari. Ha, berani sahut cabaran (ketawa kecil)? Okay, *next* [seterusnya].

SAE :**(Tersenyum)**

NAA :**Saya (gangguan internet) -- tak kreatif (tersenyum sipu)**

SBS :Haa [apa]?

NAA :**Saya tak kreatif...**

SBS :Ni bukan pasal kreatif. Saya-okay, saya dulu adalah pereka *grafic design* [reka bentuk grafik] apa ni pembungkusan makanan. Macam mana saya boleh terjebak dengan (orang lalu)-- dengan industri kraftangan? Ha sebab hati (sambil menunjuk hati), kemahuan, jangan mudah mengalah. Dekat situ ada- benda yang mungkin kalau orang tak kuat, tak kemana



pergi dia [nya]. Okay, saya tunjuk awak ini adalah (sambil menunjuk patung wayang kulit) nampak tak? Nampak tak?

**NAA :Ha, nampak (mengangguk kepala).**

SBS :Okay ini adalah untuk *student-student* [pelajar-pelajar] belajar mewarna wayang kulit. Ini lebih kurang...sembilan [9] cm tinggi dia. Jadi yang inilah [inilah] kami gunakan ha diaorang [pelajar] untuk belajar [sci, kami gunakan untuk pelajar belajar]

**NAA :Oh, kire benda itu memang betul-betul patunglah?**

SBS :Iya, patung daripada kulit. Jadi -- ha yang ni sebelah warna lain, sebelahnya tak siap lagi. Nampak tak (sambil menunjuk dekat patung ke arah kamera)?

**NAA :Ha (mengangguk kepala)**

SBS :Jadi benda ni kena -- kecil sangatlah tv ni (ketawa kecil). Okay, takpelah. Jadi, awak dapat tengoklah inilah yang ada dekat rumah saya lain barang semua tak ada dekat rumah saya, semua ada dekat kedai. Jadi kalau nak tengok tu kene pergi kedai.

**NAA :Ha kita -- untuk subtopik komersial dan pasaran, macam mana - apakah pendekatan yang encik usahakan dalam memasarkan hasil seni kraftangan ni selain daripada institut kraftangan? Mungkin ada usaha lain? Usaha sendiri?**

SBS :Okay (berfikir sejenak) sekarang ni dalam aspek pemasaran, kraftangan pun ada bantu saya dalam e-bazar kraf. Ha tapi bila diaorang [pengunjung] dah masukkan nama ke dalam e-bazar tu, saya pun tak tahu nak *update* [kemaskini] macam mana. Ha jadi, dah ada, dah ada jualan pun. Ada beberapa unitlah yang terjual dalam e-bazar kraf tu. Cuma kalau nak tengok dalam kraftangan, kalau taip e-bazar kraf -- tapi kalau tak tahu nak cari kat mana pun, saya pun tak tahu nak buat macam mana (ketawa kecil) tapi, tapi itulah, sebab-- okay, saya membuat cenderamata yang global tau, okay. Saya ada buat wau, ada buat gendang rebana, dan macam-macam yang produk cenderamata berkonsepkan budaya dan alat muzik dan pakaian. Jadi diaorang akan datang bukan semata-mata nak tengok wayang kulit. Wayang kulit adalah satu *attraction* [tarikan], satu daya tarikan yang mana diaorang datang diaorang boleh sentuh, boleh pegang. Ha tapi untuk benda-benda lain ni, yang (berfikir sejenak) diaorang tak sangka boleh jumpa wayang kulit sebenarnya. Ha dia tahu kami menghasilkan alat-alat muzik yang sebagai dijadikan cenderamata kan dan bila dia datang dia tengok ada wayang kulit. Sebenarnya dia nak beli wayang kulit pun dia takut. Kesesuaian untuk diberikan kepada seseorang itu yang menyebabkan khazanah wayang kulit ini semakin terpinggir. Bila kita sebut wayang kulit- patung, jadi *mindset* [corak pemikiran] patung kita nak bagi pada Puan Sri, Datin Sri, Datuk Sri, sesuai tak? Diaorang lebih suka macam benda-benda yang moden sama ada rumah limas, alat muzik, benda tu yang tidak melibatkan nama atas nama patung. Jadi bila nama patung- tu saya cakap awak tadi, bila patung “eh nanti malaikat tak masuk rumah” Banyak aspek yang diaorang- saya sendiri akan tanya diaorang , okay diaorang nak bagi sapa? Okay, nak bagi Datuk Sri nak pencen. Adakah awak (gangguan internet) nak bagi wayang kulit? Atas penerimaan

diaorang ni macam mana? Tapi kalau orang yang memang berjiwa seni, dari golongan JKKN ke, ASWARA ke, seni budaya dan sebagainya , diaorang suka benda-benda macam ni. Itu memang jiwa diaorang (batuk kecil). Okay, sampai mana tadi eh? Pemasaran tadi eh ?- Pemasaran?

**NAA :Aah (mengangguk kepala).**

SBS :Jadi saya punya pemasaran ni senang je [sahaja]. Memang tak aktif dalam *online* [atas talian], tapi permintaan tu tak putus lah. Walaupun dari segi pandemik ini, saya punya *rating* [tahap] jualan tu, boleh capai lagilah lima puluh [50] peratus, lima puluh [50], tiga puluh [30]. Ha ni dalam bulan ni, busuk-busuk [sci, paling kurang] pun masih boleh dapat lagilah satu [1], dua [2] ribu. Alhamdulillah lah.

**NAA :Alhamdulillah, macam yang encik cakap tadi ada (gangguan internet) - e bazar?**

SBS :Ha, e kraf bazar.

**NAA :Encik *online* [atas talian] dekat Facebook page [halaman] kraftangan?**

SBS :Iya betul, diaorang yang buat kan. Diaorang tahu saya ni tak berapa pandai, memang tak pandai tentang *IT* [Information Technology] ni. Ya lah kita lahir zaman purba kan. Macam awak lahir zaman moden. Lahirnya awak tv enam puluh [60] inci. Macam saya lahir peti ais takda, air takda api takda. Kalau lampu pelita, lampu pam, ada. Jadi perbezaan dari segi budaya tu sendiri, dari segi kemajuan tu sendiri, telah melambangkan yang

awak lahir dengan kemudahan awak, saya lahir dengan kesusahan saya.  
Jadi banyak beza dia dekat situ.

**NAA :Baik, kalau macam diberi peluang contoh macam budak pelatih nak bekerja dengan encik, *and* [dan] dia usahakan dalam bidang *marketing* [pemasaran], contoh macam sekarang kan ramai usahawan yang guna platform Tiktok.**

SBS :Ya, betul (mengangguk kepala)

**NAA :Encik fikir boleh tak encik nak komersialkan tu ? Encik nak sahut cabaran tu sekali tak ? Untuk memasarkan secara *online* [atas talian] melalui Tiktok tu ?**

SBS :Saya, benda tu saya tak boleh nak fikir. Tapi kalau dia bersungguh-sungguh, ha *welcome* [jemput] lah, orang Jawa [Indonesia] cakap [sci, orang Inggeris cakap], *coming-coming* [mari-mari] (ketawa panjang). Mungkin ada rezeki dia disitu. Kita boleh bercerita tentang pembahagian, *benefits* [manfaat] dan sebagainya. Mungkin dia ada idea lebih baik, lebih moden. Mungkin pelanggan-pelanggan sekarang ni perlukan idea-idea yang moden. Jadi, macam saya ni ,saya dah tak fikir ke arah tu sebab saya rasa syukur Alhamdulillah dengan apa yang saya ada sekarang tapi the *next* [seterusnya] generasi yang keempat, saya dah mula *training* [latih] anak saya macam mana nak kendalikan benda ni , sebab anak-anak sekarang ni kan celik *IT* [Information Technology]. Jadi, kami dah mula ke arah itu sebenarnya. Tapi kalau ada yang nak cuba untuk memasarkan, saya berbesar hati lah, dialu-alukan lah. Kalau kata dia berkemampuan, InsyaAllah kami pun berkemampuan untuk menghasilkan produk yang lebih banyak. Sebab sekarang ni yang- yang ada tolong membantu dalam aspek kami punya jualan adalah Karyaneka, anak syarikat kraftangan. So

[jadi], kalau awak tengok, pengantung kunci di kedai-kedai Karyaneka seluruh Malaysia, itu hasil produk saya. Okay, *next* [seterusnya]

**NAA :Jadi, soalan seterusnya (serentak)- -**

**SAE :Baiklah, saya nak tanya –**

**SBS :Ya?**

**SAE :Saya nak tanya, selain encik – selain ada pihak luar yang datang ke kraftangan, ada tak pendekatan dari pihak encik untuk buat kelas ataupun untuk pergi ke tempat-tempat sekolah ke untuk ilmu pembuatan seni ni?**

**SBS :Okay, biasanya bila *customer* [pelanggan] menghubungi saya, saya akan terangkan A-Z. Daripada satu [1] sampai nombor seratus [100], apa yang kami hasilkan, apa yang ada produk pada kami, apa interaktif yang kami boleh buat, sama ada sekolah ataupun jabatan-jabatan kerajaan, ataupun jabatan-jabatan swasta. Kami juga ada *link* [berkait] dengan EcoWorld, kami adalah sebagai dia punya *main support* [sokongan utama], Johor Land, adalah sebuah syarikat yang besar juga, dimana syarikat swasta lah, dan dibawah Khazanah Holding, khazanah Malaysia. Kami juga ada buat *event* [program] di tempat-tempat diaorang. Jadi, *event-event* [program-program] ini adalah bermotifkan pendidikan. Jadi memang– okay, contohnya satu *event* [program] tu, berapa yang– yang diaorang nak? Kalau satu kepala kata dua puluh [20] ringgit – okay, dua puluh [20] ringgit, okay buat *event* [program] selama sebulan tapi *every weekend* [setiap minggu]. So [jadi], dekat situ mungkin kami boleh dapat dekat lima belas [15] ribu ke dua puluh [20] ribu, jadi *every weekend* [setiap minggu] tu makne nya satu minggu kita akan pergi dua [2] kali lah. Jadi, dari segi situ lah (menggaru**

kepala) kita akan kira kan macam mana kami punya *income* [pendapatan]. Sebab kalau kami– kami tak takut sebab produk ni memang kami seorang yang menghasilkan. Jadi, keuntungan tu kami boleh– boleh mengelakkan kepada menjadi kerugian. Sebab, dekat Malaysia pun memang hanya kami saje yang ada mengeluarkan produk-produk sebegini. Okay, *next* [seterusnya].

**NAA :Untuk soalan seterusnya, apa cabaran yang dihadapi dalam mengkomersialkan hasil kraftangan– hasil kraftangan tu sendiri? (bunyi kerusi) Cabaran luar ke?**

SBS :Cabaran tu lah tadi dari segi persepsi manusia sama ada produk ini adalah produk pepatung dan persepsi manusia tu sendiri yang mengatakan produk ni berhantu dan sebagainya. Jadi cabaran tu macam mana kita akan *uturn* [berbalik] balik daripada persepsi yang negatif tu kepada positif. *So* [jadi], dekat situ lah macam mana kalau dekat– dekat saya punya kedai tu kami ada *screen* [skrin] yang mana ada yang kecil yang besar, yang mana diaorang boleh buat main. Kalau bukan daripada warga tempatan ianya akan diguna pakai oleh warga-warga asing, sekolah-sekolah *international school* [sekolah antarabangsa] yang datang dekat situ, kita akan mengajar dekat situ. Jadi dekat situ, takda erti kata takut pun, bila dia rasa watak yang kecil tu, tangan dia boleh digerakkan, jadi, diaorang rasa *happy* [gembira] dekat situ. Jadi, mungkin dua puluh [20] tahun, tiga puluh [30] tahun akan datang tak mustahil anak-anak generasi yang baru ni dah *happy* [gembira] dengan watak-watak wayang kulit. Dah tak jadi satu ketakutan dan ataupun menjadi kegilaan pada diaorang yang menyatakan yang okay wayang kulit ni begini, wayang kulit ni begitu dan sebagainya. Nak cakap lebih-lebih kang kena *banned* [sekat] pulak kan (tersenyum kecil dan memandang kebelakang).

**NAA** :Faham, okay, jadi encik ada komersialkan kraftangan tu ke peringkat antarabangsa? Kalau macam encik sendiri guna Shopee ke *I mean* [maksud saya] selain daripada institut kraftangan tu yang bawa kraftangan tu ke peringkat luar?

**SBS** :Okay, saya tak— tak berapa berani nak ke arah global satu daripada nya sekarang ni untuk mereka dan pembuatan hanya saya seorang. *So* [jadi], kalau kita dapat permintaan terlalu banyak, sapa nak tolong buat? Haa kan (ketawa kecil).

**NAA** :(tersenyum kecil)

**SAE** :(tersenyum kecil)

**SBS** : -- Kita kena fikir benda-benda macam tu juga. Di samping kita mencari rezeki ni kita kena fikir juga yang...contohnya lah dia nak satu [1] bulan satu [1] kontena. Sapa saya nak...kat mana saya nak korek tu (ketawa kecil). Itu akan menjadi satu masalah sebenarnya, ha jadi untuk sekarang ni, memang kami- memang boleh buat *production* [produksi] tapi tak terlalu banyak. Pasti adalah yang saya utamakan adalah dari segi kualiti. *So* [jadi], kalau dah terlalu banyak kita terpaksa melatih orang lain buat, mungkin kualiti sah tak sama. Ha jadi akan – akan ada masalah-masalah lain nanti. Ha jadi kami- dengan bila kami nak kembangkan kami akan fikir semasak-masaknya macam mana kami nak kaitkan dari segi kuantiti dan juga kualiti. Benda ni kena seiring lah mungkin tak mustahil satu hari nanti saya akan buka kilang sebab saya memang ada perancangan tapi untuk melaksanakan benda-benda macam ni, kita perlukan masa sebab kita perlukan modal. Modal tu penting sebagaimana saya masuk pada dua ribu empat belas [2014], modal saya hanya dua watak wayang kulit. Masa bawak masuk kedai. Ha sekarang ni kalau kita— kalau adik-adik datang ke kedai saya, kita dah ada beribu watak-

- beribu- beribu *pieces* [keping] yang ada. Ha bukan beratus lagi (berdehem).  
Okay, *next* [seterusnya].

**NAA :Okay, kita masuk pada subtopik perniagaan. Jadi, sekarang memang encik sepenuhnya men- menjadi usahawan kraftangan?**

**SBS :**Ya betul, daripada dua ribu empat belas [2014], saya jadikan wayang kulit adalah satu industri yang saya usahakan sepenuh masa daripada pukul tujuh [7], lapan [8] pagi sehingga enam [6], tujuh [7] petang setiap hari. Sebab di kraftangan ni, tak ada hari cuti. Setahun dia bagi tiga [3] hari saja. Jadi cuti adalah pada hari raya melayu dua [2] hari, raya haji sehari. Yang lain tu wajib datang. Tapi masa pandemik ni, memang kami tak dibenarkan lah ni yang PKP 3.0 ni dengan PKP 1.0 dulu kami memang tak dibenarkan masuk. Kalau ada pun, kami masuk amik barang, bawak balik, buat kerja dekat rumah.

**NAA :Oh, jadi sekarang memang encik buat kerja dari rumah lah?**

**SBS :**Ha ya, kalau tak ada permintaan macam ni, duduk je lah. Makan tidur makan tidur (ketawa kecil).

**SAE : (Tersenyum simpul)**

**NAA :Faham (mengangguk kepala). Jadi boleh saya tahu apa nama syarikat atau bengkel encik tu?**



SBS :Nama syarikat Safis Art Enterprise. Di kraftangan tu, bengkel nombor lima [5]. Tapi, kalau awak telepon Kraftangan Negeri Johor, awak tanya Safis Art, pembuat wayang kulit, nanti dia ceritakan. Ha jadi, mungkin awak nak- nak dapatkan pengesahan daripada jabatan juga, mungkin awak boleh telepon Kraftangan Negeri Johor. Nanti diaorang akan cerita lah siapa Safis Art ni, siapa pemilik nya.

**NAA :Okay, syarikat atau bengkel encik dekat Kraftangan Johor. Jadi, memang alamat tu memang alamat bawah Kraftangan Johor lah?**

SBS :Ya betul (mengangguk kepala). Nanti saya hantar gambar dia. InsyaAllah nanti saya hantar gambar dia.

**NAA :\_\_ Jadi, encik mula\_\_kira macam encik berhenti dengan kerja tetap encik dan encik mulakan perniagaan usahawan kraftangan ni. Jadi, macam mana encik rasa macam encik betul-betul rasa macam... “okay saya perlukan- saya perlu jadi usahawan”. Macam mana encik rasa, encik melibatkan diri dalam bidang perniagaan ni? Mungkin encik ada belajar tentang perniagaan dulu ke?**

SBS :Okay (berfikir) saya sebenarnya dua puluh lima tahun [25] dalam industri pembungkusan makanan, dua puluh lima tahun [25]. Nak kata pandai meniaga tu tak juga, tapi tawakkal lah. Benda yang datang daripada Sang Pencipta, rezeki semua yang datang nya pun dari Sang Pencipta, dan kita kena bertawakkal dengan dia. Jadi kita kena yakin dan pasti apa yang kite buat tu tak melanggar hukum syarak. Lepas tu kite kena ada keyakinan yang teramat sangat jati diri yang kuat. Sebab sejarah saya dua [2] tahun penglibatan saya dalam industri ni, makna nya dua ribu empat belas [2014] , dua ribu lima belas [2015] terlalu azab. Sampai nak beli maggi pun kena fikir sepuluh [10] kali. Sebab satu [1] bulan *sales* [jualan] dua ratus

setengah[250], tiga ratus [300]. Nak makan apa? Sebab tu adalah dari segi pengenalan kepada masyarakat sebenarnya, penglibatan awal. Orang tak kenal kita macam mana orang nak beli barang kita lah kan. Ha tapi bila selepas dua [2] tahun, Alhamdulillah nak cakap melimpah ruah tu tak lah tapi kalau nak gaji kan awak dua [2] orang, InsyaAllah boleh. Lebih dari cukup tu, InsyaAllah boleh dapat. Ha tapi tu lah, kena berani, semangat kena ada, kena tawakkal kena bersyukur. Ha yang penting tu kena bersyukur dengan apa yang kita ada, apa yang kita lalui, kena sabar diri, kena banyak doa, InsyaAllah.

**NAA :Okay, untuk modal- berapakah modal yang encik peruntukkan untuk membina perniagaan tu? Mula-mula encik ceburkan diri dalam perniagaan? Mungkin--**

**SBS :Tak ada modal (menggeleng kepala)**

**NAA :--Mungkin duit sendiri ke?**

**SBS :Tak ada modal (ketawa kecil dan menggeleng kepala)--** Tak ada modal, modalnya adalah idea, okay adalah sedikit modal saya nak masuk dalam- nak masuk sewa kedai tu saya kena keluar dalam lebih kurang tujuh ratus [700] ringgit untuk sewa bulanan sebab saya sewa kedai dalam seratus lima puluh [150] sebulan campur api,air dalam seratus enam [160], seratus tujuh puluh [170], ha jadi deposit kedai untuk masuk selama tiga [300] bulan dengan api,air seratus [100], seratus [100], ha jadi dalam tujuh ratus [700]. So [jadi], tak habis seribu [1000] yang lain tu semua idea kita- kita bijak- kita- okay dia mudah je lah saya nampak benda yang ada di sekeliling saya adalah RM, okay, saya nampak duit walaupun awak nampak, “eh ni batang kayu”, tapi saya nampak tu duit. Ada benda yang kita boleh aspirasikan daripada produk yang kita nampak yang terbuang di tepi jalan (tangan

menunjuk ke tepi) contohnya kayu pallet. Jadi, korang nampak kayu pallet, “haa dah reput lah kayu ni, nak buat apa- buang, bakar”. Saya nampak duit- jadi daripada kat situ, daripada idea yang kita ada, kita *develop* [berkembang] kan dia, jadikan dia satu [1] produk dan kita boleh jual hasil dia. Itu yang saya buat. Jadi, tak semestinya wayang kulit lah- jadi apa produk yang kita nak, nak-- nanti InsyaAllah saya akan bagi awak gambar- gambar yang saya ada dalam simpanan ni sebab dekat rumah ni gambarnya tak banyak ha jadi memang dah ada gambar-gambar cenderamata dan sebagainya nanti saya akan *link* [hubung] kan kepada awak, saya akan hantar kepada awak jadi awak boleh tengok apa yang saya cakap dan apa yang saya buat. Ha benda tu mungkin boleh jadi sebagai satu- *role model* [contoh] kepada awak, generasi yang baru ni supaya awak ada idea untuk awak membuat sesuatu yang diluar jangkaan, diluar bidang yang awak belajar. Ha sama macam saya kerja buat plastik tiba-tiba buat wayang kulit- - kat mana ada yang ada keserasian dia. Ha tapi dalam industri *packaging* [pembungkusan] pun saya masih aktif. Ha saya boleh amik tempahan daripada masyarakat untuk buat apa-apa jenis polimer yg berasaskan polimer, saya boleh buat. Okay tu bab lain lah, ha tapi itu juga pun menjana saya-- sumber kepada saya secara tak langsung lah. Ha tapi bila kita cerita tentang produk wayang kulit ni banyak lagi benda-benda yang kita boleh pautkan, sangkutkan. Okay, *next* [seterusnya]. Macam dah habis je?-

**NAA :Ha?**

**SBS :--** Macam dah habis je (menyelak kertas)

**NAA :Belum (sambil tersenyum)**

**SBS :Iya ke ?(tersenyum)**

**NAA :Untuk soalan seterusnya, macam mana-- bagaimana pulak proses permulaan encik membangunkan perniagaan tu? Encik sewa tapak dekat Kraftangan. Mungkin macam mana encik terlintas macam nak sewa dekat situ, daftar sendiri- daftarkan perniagaan tu bawah Kraftangan?**

**SBS :**Okay (batuk kecil), di peringkat umur semakin meningkat ni- okay dekat dunia ni ada satu benda tau yang semakin lama semakin meningkat dia tak kan turun (berdehem). Kalau orang cakap untung ada rugi turun. Kita panjat tinggi kadang jatuh, turun. Tapi bab umur ni dia tak kan turun, dia akan naik, naik, naik, naik. Ha jadi, semakin lama kita semakin berusia. Ha jadi dekat situ, kita- saya cuba untuk *develop* [bangunkan] satu benda yg boleh diwariskan kepada anak-anak saya ataupun generasi akan datang. Ha benda yang saya buat benda- benda yang memang tengah kritikal benda yang orang cakap tak masuk akal la sebab-- contohnya lah awak, awak sekolah tinggi-tinggi lepastu awak cakap dengan mak bapak awak, “saya nak buat wayang kulit lah mak”, agak-agak kau, mak bapak kau boleh terima ke? Ha jadi macam saya, saya yang dah berpendapatan empat [4] angka tiba-tiba saya cakap dengan *wife* [isteri] saya, saya nak buat wayang kulit, kau rasa gaduh tak?(ketawa kecil)

**SAE : (Tersenyum kecil)**

**NAA : (Tersenyum kecil)**

**SBS :**Tapi bila kau punya jiwa tu meronta engkau punya kehendak tu melebihi segalanya, kat situlah baru ada hikmah disebalik nya mungkin selepas setahun [1] mungkin selepas sepuluh [10] tahun tapi saya diuji selama dua [2] tahun. Tapi selepas dua [2] tahun Alhamdulillah dapat mengembangkan (menyusun kertas) dan dapat nikmat apa yang bukan terseksa lah tapi terduga selama dua [2] tahun tadi. Jadi sekarang ni kita dah mula menuai lah. Bukan

kaya tapi *happening* [berlaku]. Itu- itu, itu, itu yang saya dapat lah saya pun tak nak kaya takut lupa diri yang penting kita rasa seronok dengan apa yang kita buat kita tak perlu rasa malu sebab apa yang kita buat ni hanya untuk masyarakat juga dan untuk generasi kita. Okay.

**NAA :Okay untuk soalan seterusnya cabaran lain yang encik hadapi ketika memulakan perniagaan. Macam yang encik kata tadi pendapatan tak banyak makan Maggi pun kena fikir, jadi cabaran selain tu?**

SBS :Ya (mengangguk kepala)

**NAA :-- Persepsi masyarakat?**

SBS :Okay, cabaran tu ek. Alhamdulillah saya ni dilahirkan sebagai seorang yang pemikir, dan dilahirkan sebagai seorang yang (berfikir sejenak)-- alah apa orang cakap (berfikir)- saya dah, dah biasa hidup susah. Okay di awal kehidupan saya, umur saya tujuh [7] tahun saya dah mula menoreh getah. Subuh tau pukul tiga [3] pagi, tiga setengah [3.30] sampai pukul enam [6] pagi, *stop* [berhenti] balik rumah mandi, pergi sekolah. Itu rutin saya sampai umur enam belas [16]. Jadi bila dah dapat dugaan macam ni saya dah rasa tak perit pun saya dah biasa makan ubi kayu, makan keledak, jadi, kena dugaan macam ni, kami dah tak heran tapi berbeza nya dugaan di waktu yang mencabar ni adalah waktu yang dunia dengan kesenangan nak tu, ada nak ni, ada. Cuma kita kena cari duit je tapi tu lah bila kita-kita berkata pada diri kita sendiri oh ini adalah dugaan- dugaan sebelum kita dibagi ketenangan dan dibagi kesenangan jadi “alah bisa tegal biasa” ha orang cakap ha tapi bila jiwa kita hati kita kuat menghadapi semua ha kita akan dapat lah *benefits* [manfaat] dia nanti ha selepas dua [2] tahun tu nampak nya Alhamdulillah lah saya dah dapat *benefits* [manfaat] yang saya dapat tapi dalam masa yang sama ea saya- saya banyak bidang yang

saya boleh buat saya boleh buat *piping* [paip] saya boleh buat *renovation* [pengubahsuaian] saya boleh buat *welder* [pengimpal] pengalaman hidup mengajar kita macam-macam ha jadi kita tak kan rasa tersempit lah sebab sejarah saya- saya pernah buat bengkel- saya ada bengkel besi untuk\_\_ kerja-kerja besi ha jadi walaupun masa di awal pembukaan saya punya kedai ni agak merundum jadi banyak benda-benda macam tu lah yang saya buat saya amik kerja besi skit jadi boleh menumpang beban yang saya tertanggung tu. So, *next* [seterusnya] (memandang ke bawah).

**NAA :Encik ada bukak mana-mana cawangan lain ataupun nanti encik ada terfikir nak bukak bengkel encik sendiri yang diusahakan oleh anak encik ataupun orang lain?**

**SBS :**Kami dah rangka benda tu sebenarnya sebab saya ada peninggalan tanah lebih kurang tujuh [7] ekar yang belum diusahakan kat Batu Pahat. Jadi kami pernah rancang untuk *develop* [bangunkan] satu kilang- mini kilang lah untuk produk-produk kami tapi tak tahu bila lah jadi sebab perancangan tu memang kena rancang ha tapi bukan kita yang tentukan jadi kalau perancangan tu cantik InsyaAllah lah dua [2], tiga [3] tahun lagi timbul lah satu [1] bengkel baru kalau takda duduk je lah kat sini itu pun sebab sewa tak mahal. Okay, ada apa lagi?

**NAA :\_\_**

**SAE :(Mengangkat tangan) Jadi, syarikat encik ni- bawah nama syarikat encik ni encik lah terlibat sorang atau ada pekerja lain?**

SBS :Saya ada seorang pekerja, pekerja tu adalah anak saya lah ha jadi sambil-sambil dia jadi seorang pekerja sambil tu kita *develop* [bangunkan] dia akan menjadi- bakal menjadi tuan kepada syarikat itu nanti mungkin lagi tiga [3], empat [4] tahun saya pun dah nak pencen ha muka duduk rumah banyak rehat lah tengok keadaan macam mana okay, *next* [seterusnya] ada lagi?

**NAA :Untuk festival adakah syarikat encik menyertai mana mana festival kraftangan?**

SBS :Biasa nya kalau festival ni kita akan ada macam contoh festival Kraf Johor setiap tahun akan datang festival Kraf Johor di Angsana [Johor] ha jadi setiap tahun saya akan masuk kalau dua [2] tahun lepas- dua [2] tahun lepas adalah 2018, 2018 adalah eh 2019, 2019 kita dah kena pandemik ke belum kan?

**NAA :2020**

SBS :Ha jadi 2019 tu program di Angsana yang terakhir ha festival Kraf Johor masa tu saya ade buat *education* [pendidikan] untuk pembuatan kuda kepang guna kan kulit juga lah jadi pada 2018 saya ada buat festival Kraftangan di Angsana juga *education* untuk pembuatan wayang kulit (batuk kecil ) ha jadi festival ni saya tak boleh nak tentu kan bergantung kepada pelanggan tak semesti nya kraftangan kadang-kadang JKKN pun ada panggil juga untuk buat festival diaorng ha jdi kami sebagai- apa ni sebagai usahawan kalau dijemput kami akan datang lah (batuk kecil).

**NAA :Kalau setiap kali festival tu adakah syarikt encik ade menerima mana-mana penajaan tak pun mungkin kita sertai tapi kita jual je kita punya kraftangan tu takda mana-mana penajaan lain.**

SBS :Okay biasanya festival ni mcm saya bila menyertai festival diaorang yang akan membayar ha contohnya macam festival kraftangan tempoh hari tu kami minta untuk dibekal kan sebanyak dua belas ribu [12,000] keping (menulis) ha dua belas ribu [12000] *pieces* [keping] watak wayang kulit jadi klau satu *pieces* [keping] dua puluh [20] ringgit awak kire je lah (ketawa kecil)

NAA :**(Tersenyum)**

SAE :**(Tersenyum)**

SBS :Banyak ke? Iya ke (ketawa)? Okay bila kami dibayar dan kami akan bagi percuma kepada pengunjung yang datang ha itulah konsepnya jadi biasanya jabatan akan panggil kami utk membuat sebut harga ha contohnya okay dia ada- akan ade tetamu lebih kurang setengah juta- setengah juta pengunjung dalam program tu sebanyak sepuluh [10] hari jadi, kami diminta untuk membekal kan kepada diaorang produk-produk *innovation* [inovasi] ni sebanyak berapa banyak ha jdi dekat situ lah akan ada *plus* [tambah] dengan *minusnya* [tolaknya] berapa yang saya kena bagi harga pada diaorg ha jadi atas dasar produk-produk kesenian yang semakin pupus ni pun kami pun tak boleh juga nak cakap oh aku seorang *maker* [pembuat] aku tetapkan harga kalau aku cakap empat puluh [40], empat puluh [40] lah tak boleh kurang. Tak juga jadi kita kena kesesuaian harga zaman sekarang ni ha kita pun tak taknak lah amik kesempatan atas oh *maker* [pembuat] seorang harga terpulang pada harga masing-masing. Nak cakap lima puluh [50], enam puluh [60] tidak. Ha kami akan bagi satu harga yang kompetitif lah yang orang cakap situasi menang-menang lah ha dia dapat dia punya bahagian dan kami pun dapat kami punya cabaran.



**NAA :Jadi, bila dah menceburi bidang perniagaan, apa cabaran encik untuk pastikan peniagaan encik ni makin berkembng maju pada masa akan datang?**

**SBS :**Pertama nya servis kepada pelanggan . Perkhidmatan kita kepada pelanggan kita apa yang saya buat setiap kali perkhidmatan saya kepada saya punya pelanggan setiap tahun diaorang akan datang balik makna nya hari ni kami bagi servis tahun depan nanti dia datang balik dan kami apa yang kami buat contohnya bila- okay kali ni diaorang amik wayang kulit tahun depan tahun depan kami akan cadangkan benda yang lain ha jadi- ataupun kami akan buat kan diaorang jadi kan produk kami itu sebagai produk diaorang okay contohnya saya buat kan diaorang jam budaya ha jam budaya yang saya gunakan lambang UTHM contohnya jadi cenderamata itu melambangkan produk dari UTHM ha jaadi kami banyak buat servis-servis macam tu lah contoh ha jadi- kalau contoh-anak-anak tadi amik- beli cermin mata beli cenderamata guna awak punya logo ha jadi seolah-olah cenderamata tu sebenarnya daripada syarikat awak. Itu yang kami lakukan. Ha jdi kami dapat tempahan daripada UTM, UTM, sekali dapat tempahan cenderamata pun tu sampai tiga puluh [30] unit awak kire lah kalau satu cenderamata harga nya satu ribu setengah [1500] kali dengan tiga puluh [30] unit tapi kita bukan hari-hari dapat macam-macam tu kadang-kadang setahun sekalipun dah syukur Alhamdulillah dah boleh *cover* [merangkumi] satu tahun punya- - satu tahun punya perjalanan.

**NAA :Okay**

**SBS :**Niat...- Okay banyak lagi tak daripada mana tadi?

**NAA :Cabaran, lagi dua \_\_. Pencapaian dan hasrat. Untuk subtopik pendapaian dan pengalaman , apakah pencapaian yang setakat ni encik perolehi? Contoh macam secara individu? Ada sijil dari mana-mana Kementerian ke?**

**SBS :**(Berfikir dan memandang ke bawah) Pencapaian ek... Sijil tu dah banyak lah daripada apa ni- Yayasan Warisan, sijil menyatakan kita ada kolaborasi dengan diaorang yang mana bila diaorang panggil kita sebagai pen demo kita datang untuk buat ukiran disitu secara tak langsung orang-orang akan melihat secara *live* [langsung] dan dari- di situ- dari situ jugalah kami dapat pelanggan ha bila kami buat demo [sci,demonstrasi] di program-program diaorang, diaorang ni akan ada pelanggan, *client* [pelanggan ] datang jadi dekat situ lah kami pun akan secara tak langsung dapat pelanggan contohnya kalau dari segi apa ni- untuk kami punya pelaksanaan pelan-pelan kami adalah biasa nya kami dapat percuma ha contohnya RTM datang buat *shooting* [penggambaran] selama tiga [3] hari atau pun selama dua [2] hari untuk program diaorang tapi *shooting* [penggambaran] itu melaui pembuatan wayang kulit. Jadi, daripada situ lah kami dapat platform yang secara tak langsung memperkenalkan syarikat kami kepada dunia luar. Jadi, tapi tu lah kami ni bukan macam artis yang selalu keluar dekat tv3 ha tapi Alhamdulillah lah kami pernah keluar tv3, tv1, tv2, tv9. Dah banyak kali walaupun kami tak dapat tengok. Ha yang tengok adalah masyarakat, masyarakat yang bercerita, “eh awak masuk tv itu hari eh”. Ha kami sendiri pun tak tahu ha sebab janji-janji palsu ha jadi pihak producer biasanya bila nak kan *input* [data] dia akan cari bila dia dah dapat dia akan janji dan bila dah keluar dia tak tahu pun, dia tak bagitahupun. Itulah pengalaman hidup. Pengalaman kita bila *shooting* [penggambaran] tu pun tak berapa sen kita dapat. Jadi, kita bukan nak harapkan, apa kita nak harapkan komunikasi- komunikasi yang baik-apa ni (berfikir) dan sillaturrahim yang berpanjangan ha sebab banyak kali dah kami masuk tv ha sebenarnya kami tak nak pun tapi bila sekali shooting tu tiga [3] empat [4] hari ha berapa banyak *production* [produksi] awak yang-- awak terpaksa hentikan ha jadi memang klau kita nak panggil wartawan untuk memperkenalkan produk kita ni kena bayar buat sikit-sikit, tapi tulah-

itulah dunia. *Headline* [tajuk utama] yang dibuat utk kami sebanyak 30 minit boleh dijual dengan harga ratusan ribu. Kami dapat apa ha tapi kami tak kisah tu adalah asam garam industri ni. Nak-nak dalam industri yang kurang popular. Nanti saya akan kirimkan audio-audio yang kami ada pada awak jadi awak boleh- boleh failkan sekali apa awak yang dah bagi soalan ni sebagai bukti lah tu pun klau boleh diterima pakai sebab tempoh hari pun dua [2] orang daripada UTM Selangor [sci, UiTM] ada juga buat macam awak ni sama juga seratus [100] soalan. Saya cakap dengan dia tau satu [1] soalan dua [2] ringgit tau, seratus [100] soalan berapa eh (ketawa kecil)?

**NAA** : (Tersenyum)

**SAE** : (Tersenyum) \_\_ Saya nak tanya kalau dari segi bagi pendedahan ilmu wayang kulit ni, apa sumbangan yang encik pernah ada contoh kalau ada kelas dengan murid-murid seni ke atau pendedahan lain?

**SBS** : Sumbangan eh? Sebenarnya nak kata kita menyumbang (pandang ke tepi) nampak macam tak menyumbang tapi ada lah juga kita menyumbang (ketawa kecil) okay, satu kesimpulan ringkas biasa eh pihak-pihak univeristi ni, *student-student* [pelajar-pelajar] universiti biasa bila memerlukan baru dia mencari, bila dia tak memerlukan dia buat tak tahu je. Makna nya dah sampai umur empat puluh [40], lima puluh [50] “eh ada ke wayang kulit” (ketawa besar).

**NAA** : (Tersenyum)

SBS :Ni macam korang lah, benda kerana terpaksa (ketawa). Tapi kalau kata daripada pihak-pihak universiti kan, ada lah *student-student* [pelajar-pelajar] yang datang ha boleh tak mintak sumbangan. InsyaAllah kalau ada rezeki tu ada, bukan kata daripada universiti awak, daripada universiti yang dekat-dekat ni, banyak *student* [pelajar] yang datang-sebab dia melibatkan kesenian Asia Tenggara. Ha *student* [pelajar] yang datang tu pun berkait dengan soal seni jadi kami tak sampai hati nak tengok bila dia memerlukan sesuatu yang ada *impact* [impak] kepada global jadi kami terpaksa- bukan kerana terpaksa, bukan kerana terpaksa jadi kami rela hati lah, seikhlas hati yang kami mampu untuk sumbangkan sesuatu yang mungkin diaorang pun tak terfikir benda tu. Jadi kami sumbang kan benda-benda yang unik yang susah nak dapat dekat Malaysia ni. Kita bukan kira dari segi wang ringgit tapi sebenarnya kita dari segi sillaturrahim dari segi kemasyarakatan dari segi tanggungjawab kita ke atas budaya apa yang kita ada. Kalau saya nak kira awak dua [2] orang ni, buang masa saya dari pukul berapa ni (melihat ke jam dinding) dua [2], tiga [3], empat[4] ha dua [2] jam apa yang saya dapat tapi untuk kelangsungan masa yang akan datang mungkin daripada apa yang awak buat ni akan ada lagi, akan ada lgi smbungn demi sumbangan untuk generasi yang akan datang. Saya ada anak macam awak tau, ha jadi kalau saya tolong awak, mungkin Tuhan akan tolong anak-anak saya pulak. Ha saya fikir ke arah situ bukan dari segi keuntungan. Minggu lepas- dua [2] minggu lepas sebelum PKP, ha dua [2] *student* [pelajar] daripada UTM [sci, UiTM], sama juga macam awak (melihat kertas), Ika dan Fatin ha ni daripada (selak kertas), mana dia punya borang ni? (selak kertas) Ha, [UiTM], sejarah lisan sama bidang (ketawa kecil). Ha kan, awak daripada universiti mana?

**NAA : UiTM Segamat [Malaysia]- Kampus Segamat.**

SBS :UiTM eh (sambil melihat kertas)? Oh, okay okay takpa-takpa (menyusun kertas). Tulah konsepnya mudah je, harini kita bantu orang besok lusa mungkin orang bantu kita. Tak ada apa yang rugi pun bantu orang ni sebab ilmu kena kongsi kalau kita tak kongsi mana awak nak dapat benda-benda ni. Kita bukan harapkan sesuatu sumbangan ke apa yang penting kita membantu dengan ikhlas kita tak perlu kan apa-apa pun. Okay, *next* [seterusnya].

**NAA :Untuk subtopik terakhir, hasrat dan pendapat, apakah hasrat encik yg masih belum tercapai dlm menceburi industri seni ni mungkin yang encik kate tadi nak bina\_\_ bengkel, selain itu?**

SBS :Ha betul, betul,betul betul. Dugaan dalam industri ni terlalu besar sebenarnya.Okay kita ada gerai cendana, saya yang usahawan tunggal pembuat wayang kulit pun boleh tak dapat bajet, kau rasa (ketawa kecil)? Tapi bila kite fikir balik mungkin tak ade rezeki. Ha jadi gerai cendana sebanyak 30 ribu, banyak benda yang saya boleh buat, kalau saya nak buat bangunan saya boleh dapat satu bangunan dengan harga 30 ribu sebab saya mampu buat sendiri. Ha tapi bile tulah orang cakap kite merancang tapi bukan kita yang tentukan. So [jadi] kite kena muhasabah, kite kena- dia mudah je lah, kalau benda yang senang dapat benda tu akan- yang hilang tapi benda yang susah kite dapat, benda tu lah yang kita susah hilang. Kita jaga lah dengan baik, InsyaAllah harapan tu memang ada untuk nak jadikan satu apa ni- kenyataan dalam industri ni dia membesar tapi tu lah kite perlukan modal agak besar jadi kite kena sabarlah so [jadi] kalau kite nak pergi pinjam sana, pinjam sini rasanya dah tak sesuai dengan keadaan umur sekarang ni ha jadi kite kena tengok dulu lepas PKP ni ape perancangan yang kita boleh laksanakan. Ha sebenarnya waktu PKP ni beberapa bulan *start* [mula] dari bulan tiga [3] tahun lepas, dah setahun lebih ha tapi pada saya Alhamdulillah lah sebab saya belum minta sedekah lagi walau dalam keadaan pandemik ni bukan kita nak bangga, tidak tapi kita nak syukur kerana masih diberi rezeki

oleh yang Maha Pencipta dan masih bernafas diberi kesihatan yang elok sampai ke hari ini Ha jadi kalau saya tak sihat harini pun saya tak boleh nak layan awak ha sebab saya bagitahu si siapa “Amirah eh” tempoh hari yang lepas lapan belas [18] baru saya ada *free* [ada masa], ha jadi saya memang tengah siapkan beberapa cenderamata untuk VVIP, termasuklah Dato’ Ayub Khan, yang berlangsung daripada lima belas [15] sampai sembilan belas [19] sampai harini ha benda tu berlaku di (batuk kecil) di Mersing [Johor]. Cenderamata apa, cenderamata pistol. Jadi pistol yang dia tak pakai jadi diberi kepada saya untuk dijadikan satu cenderamata yang akan diberikan kepada Dato’ Ayub Khan.. Ketua polis negeri Johor [Malaysia]. Sebab cenderamata yang saya hasilkan juga saya pernah- cenderamata yang saya buat tu diberi kepada Sultan Johor. Ha jadi saya dah melalui fasa-fasa ni *so* [jadi], bukan nak riak, tidak sekali bukan nak membangga diri, jauh lagi sangat. Tapi tulah bila rezeki tu memang dah tertulis contoh untuk Amirah ataupun Anisa, itulah rezeki awak. Awak pun takkan tolak. Ha jadi itu satu rezeki yang kite susah nak ungkap kan. Benda tu bukan datang terpijak kita yang kena usaha, tapi dalam usaha tu akan ada nikmat- nikmat dia, akan ada susah senang akan ada dugaan dan rintangan dia tapi jangan mudah berputus asa InsyaAllah selagi kita berusaha disebalik dugaan yang datang tu akan ada kenangan, keindahan, kemanisan, kejayaan dan sebagainya. Walaupun sekarang ni dalam *degree* [ijazah] awak dalam industri yang awak nak kerja yang makan gaji, sebab di luar sana nanti yang menanti awak satu dugaan yang besar sebab tak semestinya kerja bidang yang awak minat sekarang ni yang awak amik, mungkin awak kerja LADK ke, awak jadi polis, ha takde siapa yang tahu. Betuk tak? Ha tapi ape yang awak buat sekarang ni adalah satu ilmu bila mana awak dah keluar nanti itulah yang akan jadi satu *guide* [panduan] yang awak lalui masa benar. Okay ade lagi tak, lain benar saya bercerita kan.

**NAA :Ha tak, encik dah masukkan pasal apakah kepentingan kite memelihara warisan seni tu\_\_ bila kita dah pentingkan utk memelihara warisan seni ni apakah inisiatif kite sendiri untuk kekalkan warisan seni ni? Mungkin daripada encik pembuatan. Daripada aspek kami sendiri atau encik sendiri?**

**SBS :**Okay, macam mana saya terfikir saya nak jadikan benda ni satu industri selain daripada tu saya nak jaga warisan tu daripada pupus supaya awak masih boleh melihat, generasi nanti kepada anak awak masih boleh melihat bila anak saya pulak menyambung warisan saya. Ha jadi itu adalah idea saya daripada sebuah persembahan kami jadikan dia sebagai cenderamata\_\_ wayang kulit orang tak *still* [masih] panggil hadiah cenderamata ha tapi orang cenderamata wayang kulit. Ha jadi kesinambungan cerita itu ha jadi setiap manusia ni *content* [kandungan] dia berbeza cara penterjemahan dia pun tak sama ha sepatutnya benda-benda ni wujud di dalam komuniti sekolah seni- sepatutnya ha tapi macam saya- saya teragak untuk membuat cara saya sendiri di samping saya mencari rezeki, saya membuat sedikit perubahan dari segi watak sebenar kite, daripada watak besar kita jadikan *miniture* [miniatur] dan kita jadikan dia sebagai satu program untuk pendidikan tak kisah lah sekolah rendah ke menengah ke ataupun mana-mana badan kerajaan yang mana boleh buat banyak tempat lah maksud dia dalam industri jabatan-jabatan, contohnya jabatan kat tentera laut ada banyak permintaan cuma kite nak duduk dekat mana?- kalau awak dah nampak duit tu depan mata awak dia boleh masuk poket tak? itu- satu soalan, nasi dalam pinggan, awak tak ambil tak suap masuk mulut awak (tangan menghala ke mulut) dia masuk mulut tak? Ha jadi kita dalam industri ni kita kena ada pro and kontra. Benda yang ada depan mata, kita kena ambik (pergerakan tangan) ha tapi ambik cara baik jangan ambik cara tak baik. Ha jadi orang cakap apa?- Kena *grab* [ambil], orang putih cakap kena *grab* [ambil] eh? (ketawa kecil)

**SAE :Ambil peluang eh? (tersenyum)**

**SBS** :Ha ya betul (mengangguk) ambil peluang. Betul betul kita kena ambil peluang. Dekat situ lah kita kena bersaing tapi kita kena bersaing dengan siapa? Pesaing siapa kita kena tahu. Ha jadi saya dah mengkaji sebelum saya cebur dalam bidang ni. Saya nak yang takda pesaing. Jadi saya buat dalam sektor pembuatan. Kalau saya buat contoh, persembahan, saya akan ada pesaing. Ada empat [4], lima [5] orang pesaing. *So* [jadi], saya buat dalam sektor pembuatan, saya takda pesaing. Ha jadi daripada situ lah kita bersaing dengan diri kita sendiri. Ha macam mana produk yang sepuluh [10] ringgit kita boleh jual lima [500] ratus. Dekat situ ada tanda nilai yang orang tak nampak (batuk kecil). Okay, *next* [seterusnya].

**SAE :Jadi, pada pendapat encik melihat kepada zaman sekarang abad ke 21 wayang kulit ni dipertahankan dan masih berterusan di menjadi minat generasi muda?**

**SBS** :Kalau nak kita pertahankan (berfikir),Okay kalau kita nak pertahankan-- okay wayang kulit ni global tau India, China, Indonesia, Malaysia, Thailand, Vietnam semua ada dan diaorang pun tak kan *claim* [tuntut] oh ni Burma punya, oh ni Indonesia punya, ni Malaysia punya. Takda sebab kita telah berganding bahu dan menyatakan tiada siapa yang boleh *claim* [tuntut] hak masing- masing kecuali meneruskan warisan ini sampai ke mana sekalipun sebab seorang pun tak tahu dari mana asal usul- awak tahu tak wayang kulit ni cerita ape?

**NAA :Seni persembahan dan-**



SBS :Memanglah persembahan dia cerita apa dia walaupun saya seorang *maker* [pembuat] saya kena belajar saya kena tahu ni dulu orang tanya “eh, wayang kulit ni apa”, saya pun tak tahu. Saya *blank* [kosong], saya kena amik inisiatif okay kita kena amik sesuatu yang orang takda ilmu orangtakda,kita kena ada ilmu. *So* [jadi], saya kena belajar. Walaupun masa arwah bapak saya hidup, bapak saya seorang tok dalang. Ilmu ada banyak pada dia, kenapa saya tak ambil ha sebab saya bodoh masa tu. Saya tak bijak, saya tengok eh wayang kulit. Zaman saya membesar, saya tak- tak pandang wayang kulit sebab masa tu ada zaman rock kapak, zaman Amy Search, zaman Lefthanded, zaman joget lambak, budaya asing dah mula masuk. Ha sebab tu wayang kulit diketepikan. Ha sebab tu bila saya dah berusia saya dah mula sedar kenapa warisan kita tak dijaga, kenapa kita agung- agungkan warisan luar? Ha jadi dekat situlah tergeraknya, terdetiknya hati untuk membuat syarikat Safis Art Enterprise. Sehingga lah berkembang, sehingga lah ke harini jumpa korang berdua kat dalam ni (ketawa kecil)

NAA :**(Tersenyum kecil)**

SAE :**(Tersenyum kecil)**

NAA :**Encik tahu tujuan kita buat temubual ni untuk kita dokumentasikan tembual ni untuk jadikan sebagai bahan rujukan. Jadi, pada pendapat encik kenapa pendokumentasian wayang kulit-- perlu-- dilakukan selain menjadi rujukan?**

SBS :Okay, cuba awak tanya awak punya *lecturer* [pensyarah], dulu dia buat dokumetasi apa? Haa, awak tanya *lecturer* [pensyarah] awak kalau dia buat wayang kulit, awak tanya dia “professor dulu dokumentasi wayang kulit dengan tok dalang mana? Johor ke, Kelantan ke, Kedah?” Ha sebab okay dulu saya bahan bahan-bahan sejarah, bahan-bahan rujukan kalau tak seingat saya saya ada lebih sepuluh [10] buku orang tua saya sediakan.

Tapi bila orang-orang macam awak lah, datang rumah berkampung, setengah bulan, buat research tentang wayang kulit, lepastu pinjam buku sejarah lepastu tak pulang. Ha jadi sampai sekarang satu buku pun takda simpan. Sebab ada yang tulisan Sanskrit [India], tulisan Jawa [Indonesia], jadi saya tak boleh nak kumpul benda tu. Dah tak ada dah. Zaman saya semua tu dah lenyap, semua tu dah hilang. Orang-orang cendikiawan datang pinjam, tak pulang. Tu masalah nya. Jadi sepatutnya- sepatutnya dokumentasi ni, awak patut kaji di Sekolah Seni, Sekolah Seni lagi, lagi banyak tentang pengetahuan ataupun JKKN. Tapi hendak ke diaorang layan kau orang (ketawa kecil). Ha cerita dia dekat situ, hendak ke dia layan kau orang. Jadi benda ni, mudah je lah, pada saya kerjasama tu dan penglibatan kita secara sedikit tu mungkin boleh membahagiakan orang lain, mungkin boleh menyenangkan orang lain. Tak ada masalah untuk saya. Sebab tu saya cakap tadi, bulan lepas dua [2] orang, bulan ni dua [2] orang lagi. Sorang dua [2] jam setengah, ha dah berapa jam hilang masa saya *tapi so far is okay* [sejauh ni tidak mengapa], sebab bukan kerana korang perempuan, dan kita orang, yang dekat Johor [Malaysia] ni, yang kerap datang, *student-student* [pelajar-pelajar] Ibrahim Sultan, ha kalau korang pernah dengar lah dekat Pasir Gudang [Johor], Politeknik Ibrahim Sultan, ha dia orang datang buat *research* [penyelidikan], kau tahu tak apa yang dia orang buat research lagi? Sampai datang dekat kedai saya, saya ajar dia macam mana nak buat selipar daripada sabut kelapa. Ha selipar daripada sabut kelapa, dekat Malaysia tak ada orang buat lagi dan selipar tu dipakai di spa, dan dia buat depan saya selama sebulan. Jadi bila dia balik, dia menang, dia lupa dekat saya. Ha saya tak kisah pun ha sebab apa yang datang dekat saya ni dah macam anak-anak saya. Okay, bateri saya dah nak *low* [rendah] tau, ha cepat sikit-, cepat sikit (membetulkan telefon)

**NAA :Okay, soalan terakhir, apakah pandangan atau harapan encik pada lima [5] tahun atau sepuluh [10] akan datang? (Mikrofon dimatikan)**

**SBS : (Membetulkan kedudukan fon) Okay, lagi?**

**NAA :Apakah pandangan atau harapan encik--**

SBS :Eh, kenapa tak dengar ni? Mana silap nya ni?

**SAE :*Mute* [mikrofon mati] mira, *mute* [mikrofon mati].**

SBS :Haa??

**NAA :(Menghidupkan mikrofon) Okay, maaf, okay, soalan terakhir, apakah pandangan atau harapan encik pada lima [5] tahun atau sepuluh [10] akan datang?**

SBS :Okay, lima [5] hingga sepuluh [10] tahun akan datang saya mengharaplah mungkin Safis Art Enterprise dah jadi Safis Art Sendirian Berhad lah dan mungkin beralih tampuk kepada Safari tu kepada Muhammad Aniq Syahmi, ha jadi itu adalah pewaris ke empat [4]. InsyaAllah lah apa yang saya cita-citakan tu menjadi kenyataan. Kalau selepas-- jadi saya kena buat persiapan mudah-mudahan ianya menjadi satu kenyataan (sambil mengemas barang). Tak ada yang lebih indah daripada tu lah. InsyaAllah

**NAA :-- ada apa kata-kata? Untuk kami ke? Untuk industri?**

**SAE :(Tersenyum)**

SBS :Untuk industri kena ada seseorang yang boleh mengembangkan. Dan untuk

*student-student* [pelajar-pelajar], kadang-kadang diaorang ni takut nak buat research tentang benda-benda ni sebenarnya, saya yakin sangat, lagi satu diaorang, “eh gelilah nak buat wayang kulit” (ketawa kecil). Ha nak buat research tentang wayang kulit ha diaorang memang suka buat research-benda-benda yang macam tarian ha tapi itulah macam mana nak cakap eh. Kata orang kalau dah rezeki nya kat sini, kat sinilah kalau awak berusaha-

**NAA :Nisa, awak ada apa-apa nak tambah?**

**SAE :(tersenyum) Tak ada.**

Dengan ini, tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai waisan seni wayang kulit bersama **Encik Sapari Sukarjo**. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil tmubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang warisan seni para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih

# LOG TEMUBUAL

## 6.0 LOG TEMUBUAL

| MINIT             | TOPIK                                                       | HURAIAN                                                                                                                                                                                                                                                                |
|-------------------|-------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 0:01:03 – 0:01:27 | Latar belakang diri tokoh                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sapari bin Sukarjo</li> <li>▪ 53 tahun</li> <li>▪ 21 Mei 1968</li> <li>▪ Dilahirkan di Sungai Pulai, Muar Johor</li> <li>▪ Hobi ialah memancing</li> <li>▪ Menetap di Taman Damai Jaya, Skudai Johor Bahru.</li> </ul>        |
| 0:01:38 – 0:02:11 | Latar belakang pekerjaan dahulu dan latar belakang keluarga | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pekerjaan sebelum : sektor swasta dalam industri pembungkusan makanan</li> <li>▪ Nama bapa : Sukarjo bin Hasan</li> <li>▪ Nama ibu : Mariah binti Dol Manan</li> <li>▪ 11 orang adik beradik</li> <li>▪ Anak ke 10</li> </ul> |
| 0:02:18 – 0:02:34 | Latar belakang isteri dan anak anak                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Nama isteri : Rashida binti Rashid</li> <li>▪ 4 orang anak</li> <li>▪ Anak lelaki : Mohd Salman dan Mohd Aniq</li> <li>▪ Anak perempuan : Anis Suraya dan Alya Sarah</li> </ul>                                               |
| 0:02:46 – 0:3:38  | Latar belakang pendidikan                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Dibesarkan di Kg Sungai Nibong, Semerang Batu Pahat</li> <li>▪ SK : Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Utama</li> <li>▪ SMK : Sekolah Menengah Semerang</li> <li>▪ Tiada pendidikan lanjutan</li> </ul>                           |

|                                    |   |                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
